Laporan Tahunan

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

2021

MENERAJUI PEMBANGUNAN MELAKA



KANDUNGAN

		Muka Surat
o	PROFIL KORPORAT	2
o	OBJEKTIF & HALA TUJU	2
o	SAMBUTAN JUBLI EMAS 50 TAHUN PKNM	3
o	PERUTUSAN YAB PENGERUSI	4
o	PERUTUSAN YBHG. KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	5
o	BARISAN LEMBAGA PENGARAH	7
o	PENGURUSAN KANAN	8
o	CARTA ORGANISASI	9
o	LAPORAN PERINDUSTRIAN & KEUSAHAWANAN	11
o	LAPORAN OPERASI TEKNIKAL	14
o	LAPORAN HARTANAH	17
o	LAPORAN BISNES & PENSWASTAAN	23
o	LAPORAN KHIDMAT PENGURUSAN	27
o	LAPORAN PENGURUSAN ANAK SYARIKAT	30
o	LAPORAN KESUPMA (KELAB SUKAN & SOSIAL)	42
o	LAPORAN KEWANGAN	57
o	DIARI KORPORAT	127

PROFAIL KORPORAT

Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) ditubuhkan pada 30 April 1971 di bawah Enakmen No. 1, 1971. PKNM telah melalui proses evolusi sosio ekonomi Negeri Melaka. Ia telah memainkan peranan yang penting dalam proses kemajuan Negeri Melaka dalam pelbagai bidang seperti perindustrian, perdagangan dan pembangun an tenaga kerja. Sebagai sokongan kepada hasrat dan matlamat Kerajaan Malaysia bagi melahirkan masyarakat yang adil dan saksama.

MISI

Memacu Pembangunan Ekonomi Dalam Bidang Perindustrian, Hartanah, Keusahawanan, Pelaburan serta Menerokai Peluang Perniagaan Baru Secara Kreatif dan Inovatif .

VISI

Menerajui Pembangunan Sosio Ekonomi Yang Dinamik Dan Lestari.

MOTO

Menerajui Pembangunan Melaka.



SAMBUTAN JUBLI EMAS 50 TAHUN PKNM

1 April 2021

Hari yang sangat bersejarah dan penuh bermakna buat seluruh warga kerja PKNM kerana menyambut Ulang Tahun Jubli Emas 50 Tahun PKNM (April 1971 - April 2021).

Majlis yang gilang-gemilang ini telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Hj Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka merangkap Pengerusi PKNM. Turut hadir sama ialah YB Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka; YB Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka; YB Datuk Roslan bin Datuk Haji Ahmad, Timbalan Pengerusi PKNM; YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka; Ahli-ahli Lembaga Pengarah PKNM; YBhg. Datuk Azmi Hussain, Ketua Pegawai Eksekutif PKNM; Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri, Ketua Pegawai Eksekutif Anak Syarikat PKNM dan wakil pegawai dari pejabat di Menara MITC.

Bersempena dengan Sambutan 50 Tahun ini, PKNM sebagai peneraju pembangunan Negeri Melaka telah menandatangani persetujuan bagi perjanjian-perjanjian yang akan dimenterai dengan syarikat yang berpotensi bagi merealisasikan pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan Negeri Melaka. PKNM juga telah menerima replika cek dari para pelabur atas kejayaan dalam bidang pelaburan & perniagaan.

YAB Datuk Seri Utama Ketua Menteri juga telah dibawa melawat galeri PKNM yang bermula dari awal penubuhan hingga kepada perancangan projek akan datang sempena 50 Tahun PKNM.

Dua buah syarikat telah turut dirasmikan iaitu Invest Melaka Berhad yang bertanggungjawab untuk mempromosi pelaburan langsung dan tidak langsung, penyelarasan, pembangunan dan pelaburan dalam sektor industri yang luas, juga menjadi badan penguasa zon bebas industri serta menjaga hal ehwal pekerja-pekerja tempatan dan asing.

Manakala, My Marine Park Sdn. Bhd. pula, berperanan melaksanakan operasi berkaitan aktiviti maritim.

Selamat Ulang Tahun Ke-50 Tahun, PKNM!





PERUTUSAN PENGERUSI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) telah mencapai 50 tahun penubuhannya. Di kesempatan ini, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada PKNM yang telah berperanan sebagai "nadi" pembangunan Negeri Melaka selama 50 tahun, yang juga telah banyak memberi manfaat kepada seluruh lapisan masyarakat Negeri Melaka.

Fasa pandemik Covid-19 selama 2 tahun telah pun berakhir dan ketika ini Malaysia telah beralih dalam fasa endemik. Sesungguhnya, impak daripada pandemik Covid-19 sangat memberi kesan kepada pelbagai sektor termasuk sektor-sektor yang disertai oleh agensi dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. PKNM juga tidak terkecuali.

Walaupun berhadapan dengan pandemik selama hampir 2 tahun, Alhamdulillah, dengan berkat usaha semua warga kerja, PKNM telah dapat mentadbir Perbadanan ini dengan baik sepanjang 2 tahun yang lalu.

Sesungguhnya, Kerajaan Negeri sentiasa memberi sokongan dan dokongan kepada PKNM untuk sentiasa berusaha meneroka peluang-peluang perniagaan baharu secara kreatif. Apa yang lebih penting, dengan penerokaan projek-projek ini, PKNM dapat membantu Kerajaan Negeri memacu ekonomi Melaka agar lebih berdaya maju dan mapan selari dengan visi Negeri Melaka "Menuju Negeri Lestari".

Akhir kata, teruskanlah berusaha dengan lebih gigih, maju dan cemerlang. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada semua pihak khususnya warga PKNM.



YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Hj. Sulaiman Bin Md Ali
Ketua Menteri Melaka

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNM

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih

Syukur Alhamdulillah dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) telah pun mencapai 50 tahun penubuhan pada tahun ini. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja PKNM yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan Majlis Sambutan Jubli Emas 50 tahun PKNM pada 1 April 2021, yang telah diatur dengan cukup sempurna dan amat bermakna.

Jika dahulu, pada tanggal 30 April 1971 ketika awal penubuhan PKNM, pejabat PKNM terletak di Quayside Banda Hilir yang bermula dengan menumpang di sebuah bangunan gudang kastam. Namun kini, PKNM sendiri boleh berbangga dengan memiliki bangunan di sini iaitu 'Menara MITC' bermula tahun 2003.

Ketika di awal penubuhannya, warga kerja PKNM hanya seramai 20 orang sahaja, namun sekarang, telah mencecah sehingga 150 orang anggota. Pada awalnya juga, PKNM hanya ada lima (5) Unit kecil, kini PKNM mempunyai tujuh (7) Bahagian dan dua (2) Seksyen sesuai dengan peranan PKNM sebagai teraju penggerak ekonomi negeri dengan motto "Menerajui Pembangunan Melaka."

Tumpuan utama PKNM adalah untuk membangunkan bidang perindustrian, hartanah, dan keusahawanan di samping meningkatkan taraf hidup dan menyusun semula masyarakat melalui pembangunan yang seimbang dan pengagihan pendapatan yang saksama.



YBhg. Datuk Hj. Azmi Bin Hj. Hussain
Ketua Pegawai Eksekutif

HALA TUJU BAHARU PKNM

Umum mengetahui, akibat pandemik COVID-19 yang melanda negara, pelbagai sektor telah terjejas sehingga menyebabkan penguncupan pertumbuhan ekonomi negeri. Justeru, demi meningkatkan kembali pendapatan ekonomi pasca COVID-19, PKNM khususnya perlu mengguna pakai amalan terbaik (best practice) dalam tadbir urus perniagaan selain bekerja dengan lebih efisien agar terus kekal dan relevan dalam tempoh 50 tahun akan datang.

Baru-baru ini Kerajaan Negeri Melaka telah melancarkan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035). Antara intipati utama PSMJ 2035 adalah Zon Pembangunan Ekonomi iaitu Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ). Sebagai penggerak utama ekonomi Negeri Melaka, PKNM adalah di antara agensi yang turut terlibat secara langsung dalam pelaksanaan M-WEZ.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menggariskan tiga (3) perkara utama yang perlu menjadi fokus kepada PKNM yang telah di "highlight" kan oleh YAB Ketua Menteri Melaka semasa ucapan beliau di Majlis Sambutan Jubli Emas PKNM.

Pertama, PKNM boleh membantu menjayakan M-WEZ dengan meneroka dan membuka bidang-bidang perniagaan baharu pada masa hadapan termasuk mengambil tanggungjawab sebagai pengendali aktiviti maritim dalam jajaran tiga (3) batu nautika dari persisiran pantai Negeri Melaka.

Kedua, seiring dengan era digital yang semakin bertapak pada masa ini, PKNM perlu menumpukan pembukaan kawasan-kawasan baharu bagi industri berteraskan digital.

Ketiga dan terakhir, PKNM juga perlu memastikan pemilikan ekuiti syarikat-syarikat yang terlibat dalam semua projek pembangunan di tanah yang dimiliki oleh PKNM.

Saya berharap agar PKNM dan Kumpulan Syarikat di bawah PKNM dapat meneroka bidang-bidang perniagaan yang baharu yang memberi pulangan secara berterusan demi kelangsungan PKNM dan kumpulannya.

Seluruh warga kerja PKNM perlu mengguna pakai amalan terbaik (best practice) dalam tadbir urus selain bekerja dengan lebih efisien agar terus kekal dan relevan dalam tempoh 50 tahun akan datang.

Akhir kata, teruskanlah berusaha dengan lebih gigih, maju dan cemerlang. Bekerjalah dengan penuh rasa tanggungjawab, penuh integriti serta kerjalah secara berpasukan. Saya percaya itulah tonggak yang mampu memperkukuhkan lagi PKNM di masa akan datang.

وَبِاللهِ التَّوْفِيْقِ وَالْهِدَايَةِ وَالسَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

SEKIAN, WASSALAM DAN TERIMA KASIH

AHLI LEMBAGA PENGARAH



1. **YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Hj Sulaiman Bin Md Ali**
   Ketua Menteri Melaka
   Pengerusi
2. **YB Dato Ts Kamel Bin Mohamad**
   Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
3. **YB Datuk Abdul Aziz Bin Engan**
   Penasihat Undang-Undang Negeri
4. **YB Datuk Zaidi Bin Johari**
   Pegawai Kewangan Negeri Melaka
5. **YBrs Puan Nor Eni Binti Ismail**
   Timbalan Pengarah Belanjawan Negara
   Pejabat Belanjawan Negara
   Kementerian Kewangan Malaysia
6. **YBrs. Tuan Noor Azman Bin Muhammad Noor**
   Setiausah Bahagian Kanan (Pengerusan)
   Kemeterian Pembangunan Usahawan
7. **YBrs Cik Ashikin Binti Abdul Razak**
   Pengarah Bahagian Kerjasama Antara bangsa, Unit Perancang Ekonomi (EPU)
   Jabatan Perdana Menteri
8. **YB Datuk Roslan Bin Datuk Hj Ahmad**
   Exco Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam & Infrastruktur Negeri Melaka
9. **YB Datuk Seri Hj Abdul Ghafar Bin Atan**
   Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan & Alam Sekitar Negeri Melaka
10. **YB Datuk Wira Mohd Rafiq Bin Naizamohideen**
    Exco NGO, Pembangunan Belia & Sukan Negeri Melaka
11. **YB Datuk Norhizam Bin Hassan Baktee**
    Exco Pertanian, Pembangunan Usahawan dan Industri Asas Tani Negeri Melaka
12. **YBrs Tuan Hj. Dul Halim Bin Dapor**
    Ahli Lembaga Pengarah

PENGURUSAN KANAN



1 **YBhg Datuk Hj Azmi Bin Hj Hussain**
Ketua Pegawai Eksekutif

2 **Tuan Hj Azmi Bin A. Rahman**
Pengarah (Pengurusan)

3 **Puan Noraini Binti Md. Basir @ Basir**
Pengurus Kanan Kewangan

4 **Puan Siti Salwah Binti Salleh**
Pengurus Kanan Khidmat Pengurusan

5 **Puan Norpipah Binti Mat**
Pengurus Kanan Pengurusan Korporat

6 **Encik Mohamad Hafiz Bin Mat Shah**
Ketua Juruaudit Dalam

7 **Encik Muhammad Syahidzuddin Bin Yahya**
Pegawai Perundangan

8 **YBhg. Datuk Lim Chow Beng**
Pengarah (Pembangunan)

9 **Encik Hairulzamani Bin Othman**
Pengurus Kanan Perindustrian & Keusahawanan

10 **Encik Mohd Nazimuddin Bin Mohamad**
Pengurus Kanan Operasi Teknikal

11 **Puan Nurul Intan Zaihas Binti Zainal**
Pengurus Kanan Bisnes & Penswastaan

12 **Puan Norasidah Binti Yahya**
Pengurus Kanan Hartanah

CARTA ORGANISASI




KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
JUSA C
JABATAN PENGURUSAN
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, N54/J54
PENGARAH
N52/W52
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
BAHAGIAN KEWANGAN
BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT
UNIT ARKITEK
UNIT PERANCANG
UNIT PERJAWATAN & PERKHIDMATAN
UNIT PENGURUSAN PEJABAT & KESELAMATAN
UNIT KUALITI & INTEGRITI
UNIT PERAKAUAN & PERCUKAIAN
UNIT OPERASI KEWANGAN & BELANJAWAN
UNIT PENGURUSAN HASIL
UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI STRATEGIK
UNIT PEMBANGUNAN ANAK SYARIKAT
UNIT SEKRETARIAT KORPORAT
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

LAPORAN PERINDUSTRIAN & KEUSAHAWANAN

1.0 PELABURAN MELAKA

Sasaran	:	RM5.0 Billion
Nilai Pelaburan Melaka	:	RM5.821 Billon
Pencapaian	:	116.42%
Pelaburan Tempatan	:	RM2.119 Billion
Pelaburan Asing	:	RM3.701 Billion
Bilangan projek	:	169 buah projek
Peluang pekerjaan	:	3,948 orang

Nilai Pelaburan Melaka mengikut Sektor :

1. Sektor Pembuatan : RM3.922 billion
2. Sektor Perkhidmatan : RM1.895 billion
3. Sektor Primer : RM3.376 juta



Majlis Menandatangani Perjanjian Sewaan Bangunan Asrama Pekerja Merlimau Antara PKNM dan Pihak HLRB Processing Sdn Bhd



Pembentangan Cadangan Pembangunan Melaka "Resource Recovery And Disposal Complex" (MRRDC) Di Sebahagian Tanah PKNM Di Plot 14 Seluas 40 Ekar Kawasan Perindustrian Elkay Fasa 2, Mukim Jasin, Daerah Jasin, Melaka.



Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli Di Antara PKNM Dan Syarikat Hana Medic Sdn Bhd Tanah Di Lot 55, 56, 57 & 58 Kawasan Perindustrian Masjid Tanah, Daerah Alor Gajah Melaka Seluas 6.89 Ekar





Lawatan YB Datuk Seri Ab Rauf Bin Yusoh, Exco Kanan Perindustrian, Pelaburan Dan Pembangunan Usahawan & Koperasi Negeri Melaka Ke Kilang Xinyi Glass Holdings Limited Di Elkay Industrial Park Lipat Kajang, Jasin



2.0 STATISTIK TERKINI KAWASAN PERINDUSTRIAN DAN IKS MILIK PKNM

Kawasan Perindustrian yang dibangunkan PKNM :
11 kawasan, 4,961.78 ekar

Baki tanah Industri milik PKNM :
321.346 ekar

Tanah dalam tindakan permohonan Tanah Kerajaan (PTK) bagi tujuan Industri 327.559 ekar

Cadangan pembelian tanah baharu untuk tujuan Industri: 782.25 ekar

i. Tanah milik Guocoland : 601.75 ekar
ii. Tanah milik Sime Darby : 90.50 ekar
iii. Tanah milik Felda : 90.00 ekar

Kawasan IKS dibangunkan : 33 buah kawasan
Taburan pembangunan IKS milik PKNM mengikut daerah :

Melaka Tengah : 10 IKS, 349 lot
Alor Gajah : 10 IKS, 267 lot
Jasin : 13 IKS, 752 lot

Penyewaan Baru Usahawan Tahun 2021 : 42 Usahawan RM 7,542,240.00
Penawaran Pemilikan Usahawan : 11 usahawan
Nilai Pelaburan Usahawan IKS : RM 2.713 juta



Lawatan Tapak Bersama Pelabur Berpotensi

LAPORAN PERINDUSTRIAN & KEUSAHAWANAN

BAKI PEMILIKAN PREMIS / HARTANAH DI BAWAH SELIAAN BAHAGIAN PERINDUSTRIAN & KEUSAHAWANAN SERTA STATUS PENGISIAN MENGIKUT JENIS HARTANAH

JENIS HARTANAH	JUAL	KOSONG/ CADANGAN PEMBANGUNAN	SEWA	SEWA BELI	JUMLAH
TANAH	7	60	18	0	173
BANGUNAN	4	0	328	6	395
TAPAK/ BANGUNAN	0	0	3	0	3
JUMLAH	11	60	349	6	571

3.0 PROGRAM KEUSAHAWANAN
Program Pembangunan Usahawan = 10 program
Penyertaan Usahawan = 1,136 usahawan





Sesi taklimat penyertaan usahawan ke World Expo 2020 Dubai





Program Klinik Pembiayaan Kewangan Usahawan di Serkam



Webinar Belanjawan 2021 E-Commerce

LAPORAN OPERASI TEKNIKAL

PROJEK PKNM



- Projek Siap : -
- Projek Dalam Pembinaan :
  Naiktaraf Kompleks Air Panas Gadek



Pemasangan papan tanda projek dan kabin

PROJEK

CADANGAN MENAIKTARAF KOMPLEKS AIR PANAS GADEK YANG BERKONSEPKAN 'WELLNESS & SPA RESORT' SERTA LAIN KERJA YANG BERKAITAN YANG MENGANDUNGI 20 UNIT BILIK HOTEL BESERTA FASILITI 1 TINGKAT, 4 UNIT CHALET BERKEMBAR JENIS A, 4 UNIT CHALET BERKEMBAR JENIS B, 1 UNIT SPA KELUARGA, 1 UNIT BANGUNAN PEJABAT DAN KAUNTER TIKET, 1 UNIT SURAU, 1 UNIT TANDAS DAN BILIK PERSALINAN, 1 UNIT DEWAN TERBUKA (PAVILION), KOLAM AIR PANAS KELUARGA DAN INDIVIDU,1 UNIT 'THEME PARK', UNIT KOLAM AIR PANAS RENDAMAN KAKI, 15 UNIT WAKAF, PONDOK PENGAWAL, PINTU GERBANG DAN BANGUNAN SOKONGAN DI ATAS LOT 37 & 1423 SELUAS 10.268 EKAR, MUKIM GADEK, DAERAH ALOR GAJAH, MELAKA.

TEMPOH PROJEK

Tarikh Mula: 11.8.2021 Tarikh Siap: 10.8.2023 Tempoh : 24 bulan

PEMILIK PROJEK :
PKNM

PERUNTUKAN :
EPU

KOS (RM) :
16,199,000.00

Kadar Denda :
RM2,476.00/hari

KONTRAKTOR

MAYSIGN NETWORKS SDN. BHD

PENCAPAIAN

KEMAJUAN KERJA :

Jadual : 3% Sebenar : 2%

STATUS KERJA DITAPAK

Dalam Proses
Kerja Pembersihan Tapak





Kerja-kerja pembersihan tapak dan pembinaan jalan sementara sedang dilaksanakan

LAPORAN OPERASI TEKNIKAL

PROJEK PMC



- Projek Siap : -
- Projek dalam Pembinaan :
  1. Masjid Safinah An-Najah, Mukim Tambak Paya
  2. Sekolah Pondok Bukit Senggeh

PROJEK

CADANGAN MEMBINA SEBUAH MASJID 1 TINGKAT DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 2690, MUKIM AYER MOLEK, DAERAH MELAKA TENGAH, MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH UNTUK MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM).

SKOP PROJEK

Bangunan masjid lengkap berserta satu menara, compact sub TNB, kerja-kerja OSD, kerja-kerja SSTS, kerja-kerja infra yang berkaitan dan lain-lain kerja-kerja.

TEMPOH PROJEK

Tarikh Mula: 11.8.2021 Tarikh Siap: 7.2.2023 Tempoh : 18 bulan

PEMILIK PROJEK :
MAIM

PERUNTUKAN :
EPU

KOS (RM) :
4,298,888.50

Kadar Denda :
RM657.00/hari

KONTRAKTOR

RW TEGUH SDN. BHD

PENCAPAIAN

KEMAJUAN KERJA :

Jadual : 8% Sebenar : 10%

STATUS KERJA DITAPAK

1. Dalam proses kerja penyediaan *"formwork round beam"*
2. Kerja besi untuk stump menara
3. Kerja-kerja konkrit substruktur



Kerja -kerja *konkrit stump*





Kerja-kerja penyediaan formwork untuk ground beam

PROJEK PMC

SEKOLAH PONDOK BUKIT SENGGEH



Kerja-kerja penyediaan besi untuk round beam



Kerja-kerja paip kumbahan

PROJEK

CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SATU (1) UNIT KELAS SATU (1) TINGKAT, SATU (1) UNIT ASRAMA SATU (1) TINGKAT, SATU (1) UNIT PEJABAT SATU (1) TINGKAT, SATU (1) UNIT SURAU BESARTA TANDAS SATU (1) TINGKAT. SATU (1) UNIT DEWAN SATU (1) TINGKAT, SATU (1) UNIT KEDAI SATU (1) TINGKAT, BESERTA KEMUDAHAN ASAS DAN TANGKI OSD DI ATAS LOT 1726 & 1729, KAMPUNG TERSUSUN, BUKIT SENGGEH, DAERAH JASIN, MELAKA.

SKOP PROJEK

Bangunan kelas, bangunan asrama, bangunan pejabat, bangunan surau, bangunan dewan terbuka, bangunan kedai, kerja-kerja OSD, kerja-kerja infra yang berkaitan dan lain-lain kerja-kerja.

TEMPOH PROJEK

Tarikh Mula: 15.7.2021 Tarikh Siap: 14.5.2022 Tempoh : 10 bulan

PEMILIK PROJEK :
YAYASAN DMDI

PERUNTUKAN :
EPU

KOS (RM) :
2,997,667.00

Kadar Denda :
RM458.00/hari

KONTRAKTOR

PETALA GEMBITA SDN. BHD

PENCAPAIAN

KEMAJUAN KERJA :

Jadual : 23% Sebenar : 14%

STATUS KERJA DITAPAK

Dalam Proses
1. Kerja penyediaan formwork round beam
2. Kerja penyediaan besi untuk round beam
3. Kerja-kerja paip kumbahan
4. Kerja-kerja padatkan tanah untuk slab





Kerja-kerja penyediaan tapak untuk slab

LAPORAN HARTANAH

PECAHAN HARTANAH MENGIKUT KLUSTER



JUMLAH KESELURUHAN







Lawatan ke Pulau Besar, Mukim Pernu, Daerah Melaka Tengah, Melaka bersama pihak Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) pada 18 Februari 2021.





Lawatan ke Kawasan Perindustrian Masjid Tanah, Daerah Alor Gajah, Melaka bersama pihak Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) pada 22 September 2021.





Lawatan ke Puteri Island Resort di Pulau Besar, Mukim Pernu, Daerah Melaka Tengah, Melaka bersama pihak Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad pada 23 September 2021.

LAPORAN HARTANAH




Pemeriksaan Mengejut Bil. 1/2021 di Menara PKNM, Daerah Melaka Tengah, Melaka pada 12 Oktober 2021.




Pemantauan Kawalan Keselamatan di Bengkel Bersepadu Duyong, Daerah Melaka Tengah, Melaka bersama Pengurus Kanan Kewangan dan Pengurus Kanan Operasi Teknikal pada 13 Oktober 2021.




Pemantauan Kawalan Keselamatan di IKS Nyalas, Daerah Jasin, Melaka bersama Pengurus Kanan Bisnes dan Penswastaan pada 22 Oktober 2021.





Pemantauan Kawalan Keselamatan di RTC Sungai Rambai, Daerah Jasin, Melaka bersama Pengurus Kanan Pengurusan Korporat dan Ketua Juruaudit Dalam pada 27 Oktober 2021.





Pemantauan Kawalan Keselamatan di R&R Sungai Rambai, Daerah Jasin, Melaka bersama Pengurus Kanan Pengurusan Korporat dan Ketua Juruaudit Dalam pada 27 Oktober 2021.





Pemantauan Kawalan Keselamatan di Bazar Melaka Sentral, Daerah Melaka Tengah, Melaka bersama Pengurus Kanan Pengurusan Korporat pada 03 November 2021.

LAPORAN HARTANAH





Pemasangan signboard promosi jualan di empat (4) lot tanah di Ambassador Village pada 09 November 2021.





Pemantauan Kawalan Keselamatan di IKS Ayer Panas Bemban, Daerah Jasin, Melaka bersama Pengurus Kanan Operasi Teknikal dan Pegawai Perundangan pada 12 November 2021.





Pemantauan Kawalan Keselamatan bersama Ketua Juruaudit Dalam di Bazar Melaka Sentral pada 03 Disember 2021.




Aktiviti gotong-royong di Pulau Besar, Mukim Pernu, Daerah Melaka Tengah, Melaka pada 16 Disember 2021.




Lawatan bersama Agensi-agensi Teknikal Negeri ke Tapak Projek Perkampungan Nelayan, Mukim Kuala Sungei Baru, Daerah Alor Gajah, Melaka pada 14 Oktober 2021.



Lawatan bersama Agensi-agensi Teknikal Negeri ke Tapak Projek Perkampungan Nelayan, Mukim Kuala Sungei Baru, Daerah Alor Gajah, Melaka pada 14 Oktober 2021.



Pemeriksaan Mengejut Bil. 2/2021 di Menara PKNM, Daerah Melaka Tengah, Melaka pada 31 Disember 2021.

LAPORAN BISNES & PENSWASTAAN

MERAIKAN PUSAT-PUSAT PELANCONGAN MILIK PKNM

Taman Mini Malaysia & Mini ASEAN

Taman Mini Malaysia & Mini ASEAN yang terletak di Ayer Keroh, Melaka telah mula beroperasi pada tahun 1986 yang berkonsepkan rumah-rumah dan budaya tradisional di Malaysia dan negara-negara ASEAN.

PKNM menerusi syarikat Kesumas Sdn Bhd telah merancang untuk membaik pulih serta menaik taraf pusat pelancongan ini bagi menarik minat generasi baru dengan mengekalkan konsep asal iaitu rumah-rumah traditional di Malaysia dan ASEAN. Setiap rumah mewakili gaya seni bina 13 buah negeri di Malaysia dan dilengkapi dengan pelbagai barangan seni dan kraftangan yang menggambarkan budaya di Malaysia.

Selain itu, Taman Mini Malaysia & Mini ASEAN akan menjadi taman budaya bertaraf antarabangsa yang pertama di Malaysia yang menunjukkan gabungan budaya, seni dan warisan yang sebenar menggunakan teknologi interaktif yang terkini









MINI
MALAYSIA & ASEAN
Cultural Park

minimalaysiaasean86@gmail.com
https://www.facebook.com/MiniMalaysiaAseanCulturalPark/
https://www.instagram.com/minimalaysiaasean/
06-234 9989

Putera Island Resort



Putera Island Resort merupakan salah satu resort yang terkenal di Pulau Besar, Melaka. Resort ini telah beroperasi semula setelah dibaik pulih sepenuhnya dan diuruskan oleh syarikat Ledang Properties Sdn Bhd.

Resort ini memiliki 76 bilik penginapan yang terdiri daripada 2 unit VIP Deluxe Suite, 16 unit Deluxe Queen Suite, 16 unit Deluxe Twin Suite, 16 unit Single Chalet, 12 unit Twin Chalet dan 14 unit Family Suite. Selain itu, resort ini juga menyediakan lain-lain kemudahan seperti kolam renang dan *ballroom* yang boleh memuatkan hingga 800 orang dalam satu masa.

Pengunjung boleh ke resort ini dengan menaiki feri dari Jeti Anjung Batu di Merlimau atau menaiki bot laju dari Jeti Umbai, Melaka





Putera Island
RESORT

https://www.puteraislandoffice.wixsite.com/
puteraisland.inquiry@gmail.com
http://facebook.com/putera-island-resort
http://www.instagram.com/puteraisland
010-432 7576

LAPORAN BISNES & PENSWASTAAN

Kompleks Air Panas Gadek

Melaka mempunyai sebuah produk pelancongan yang terkenal dalam kalangan pengunjung tempatan dan luar negara iaitu Kolam Air Panas Gadek yang terletak di Alor Gajah, Melaka. Kolam Air Panas Gadek sedang dinaik taraf dan dijenamakan semula berkonsepkan 'Wellness & Spa Resort' dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Ogos 2023.

Projek pembangunan pusat pelancongan ini juga bakal dilengkapi dengan chalet yang dilengkapi dengan kolam air panas persendirian, kolam air sejuk, bilik rawatan tradisional (SPA), water themepark dan pelbagai kemudahan lain.

Dengan penjenamaan semula Kompleks ini diharap ia bakal menjadi ikon pelancongan di Negeri Melaka yang boleh menarik kehadiran lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara serta sekaligus meningkatkan ekonomi penduduk setempat







Bangunan Surau Warisan Dunia

Bangunan ini terletak di Jalan Kota, Banda Hilir Melaka. Bangunan yang diuruskan sepenuhnya oleh syarikat Newstar Pavilion Sdn Bhd telah diubahsuai menjadi lebih menarik dan interaktif.





Bangunan ini mempunyai dua aras di mana aras satu merupakan Surau Warisan Dunia yang serba lengkap dan menjadi tumpuan serta kemudahan kepada pengunjung dan pelancong yang beragama Islam.



Manakala sebahagian aras bawah pula merupakan Pusat Informasi Pelancongan (TIC) di bawah Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM). TIC ini menjadi pusat rujukan kepada pengunjung dan pelancong bagi mendapatkan informasi berkenaan produk-produk atau pusat-pusat pelancongan yang terdapat di Negeri Melaka.



Selain itu, terdapat juga kedai cenderamata yang menjual barangan berkonsepkan Sang Kancil dan Tun Teja sesuai dijadikan sebagai tanda kenangan dan ole-ole kepada pelancong yang datang ke Negeri Melaka.



NEWSTAR PAVILION

https://www.newstarpavilion.com/surauwarisan
info@newstarpavilion.com
http://www.facebook.com/newstarmelaka
06-284 9800

LAPORAN KHIDMAT PENGURUSAN

PERJAWATAN



Setiap Pegawai dan Anggota PKNM menjadi nadi penggerak yang membawa PKNM ke arah kejayaan dan kegemilangan. Atas dasar ini, PKNM komited dalam memperkasakan pengurusan bakat dan modal insan warga kerja secara komprehensif mengikut bidang masing-masing meliputi pentadbiran, kewangan dan teknikal. Antara pelaburan signifikan dalam pembangunan modal insan di PKNM ialah pelaburan yang menekankan kualiti bakat dan kebolehpasaran pekerja agar dapat melahirkan anggota yang komited, produktif dan berdaya saing. Sehingga Disember 2021, seramai 150 orang anggota PKNM yang terdiri daripada 1 orang di peringkat JUSA dan 42 orang Pegawai dan anggota daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Manakala, 38 orang anggota ialah daripada Kumpulan Pelaksana I, diikuti oleh 51 orang anggota daripada Kumpulan Pelaksana II dan 18 orang anggota daripada Kumpulan Pelaksana III. PKNM mempersiapkan anggota dengan pelbagai program serta latihan yang holistik bagi anggota PKNM mencakupi bidang pentadbiran, teknikal dan kewangan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada organisasi. Pelaksanaan program latihan PKNM terbahagi kepada dua(2) kategori iaitu:

- Program Latihan Dalaman
- Program Latihan Luaran

Selari dengan Objektif Kualiti Bahagian Khidmat Pengurusan, Pegawai dan Anggota PKNM telahpun ditetapkan untuk menghadiri kursus/latihan/bengkel dengan kehadiran minima sebanyak dua (2) kali setahun.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Anugerah Khidmat Cemerlang adalah anugerah yang diberikan kepada seseorang Pegawai dan Anggota bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan kepada PKNM. Pada Tahun 2021 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang telah diberikan kepada dua belas (12) orang Pegawai dan Anggota PKNM seperti berikut:



PENGIKTIRAFAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI

Sistem Pengurusan Kualiti adalah suatu aspek pengurusan yang bertujuan untuk mencapai, mengekalkan dan menambahbaik kualiti produk atau perkhidmatan di sesebuah organisasi/jabatan untuk menzahirkan komitmen pada keseluruhan organisasi melalui penghayatan budaya kualiti menerusi penetapan matlamat, objektif dan polisi. Sistem Pengurusan Kualiti merupakan salah satu bidang fungsi yang berada di bawah tanggungjawab Bahagian Khidmat Pengurusan.

PENSIJILAN MS ISO 9001:2015

PKNM telah mendapat persijilan Sistem MS ISO 9001:2015 kali pertama pada 31 Julai 2018. PKNM juga telah berjaya mengekalkan pensijilan bagi 3 tahun berturut-turut dan tiada laporan ketakakuran dikeluarkan kepada PKNM



AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI 5S



PKNM merupakan antara agensi peneraju Amalan Persekitaran Berkualiti 5S di Negeri Melaka. Pada tahun 2020, PKNM telah berjaya mengekalkan pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S buat kali ke-16 berturut-turut tanpa gagal dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sejak tahun 2006 dengan memperolehi pengiktirafan 3 bintang pada 12 November 2020.





Pengauditan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S oleh Pebadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

LAPORAN KHIDMAT PENGURUSAN

PENGURUSAN SISTEM ANTI RASUAH PKNM



PENSIJILAN MS ISO 9001:2015

PKNM telah membangunkan AMBS lanjutan daripada kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah PKNM Bil.1/2018 yang bersidang pada 27 Februari 2018. Di peringkat Negeri pula, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka (MMKN) Bil.3/2019 yang bersidang pada 16 Januari 2019 telah memutuskan agar semua Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri serta Syarikat / Anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka untuk dipersijilkan di bawah ABMS. Ianya salah satu keperluan yang perlu diambil tindakan segera berdasarkan ketetapan dalam Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) di bawah Strategi 2.1 : Merekayasa Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Baik.

POLISI ANTI RASUAH PKNM

PKNM telah membangunkan Polisi Anti Rasuah bagi menerangkan dasar peraturan serta larangan terhadap sebarang aktiviti berbentuk rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Polisi ini juga adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Suruhajaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 serta Akta dan peraturan yang berkaitan dan sedang berkuatkuasa. Polisi Anti Rasuah PKNM telah dikuatkuasa pada 15 Disember 2020 untuk pegawai dan anggota menghayati dan mematuhi kandungan Polisi tersebut sepanjang tempoh Perkhidmatan di PKNM. Polisi tersebut juga boleh dimuatnaik di laman sesawang rasmi PKNM atau dengan cara mengimbas QR Code Polisi Anti Rasuah PKNM yang diletakkan di setiap aras di PKNM.

PELAN PENGURUSAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) PKNM

PKNM telah pun membangunkan OACP pada hujung Disember 2019 selaras dengan arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Siri 2 No.1 Tahun 2019 Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan OACP Nasional telah mengarahkan Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyediakan OACP.

LAPORAN PENGURUSAN ANAK SYARIKAT



LAPORAN PENGURUSAN ANAK SYARIKAT



Melaka Bekal Sdn Bhd telah ditubuhkan pada 07 Mac 2006 yang dahulu dikenali sebagai Melaka Toll Shopping Centre Sdn Bhd.

Aktiviti perniagaan syarikat adalah seperti berikut:

- **Menguruskan permohonan pengeluaran bahan batuan, pasir dan tanah persendirian**
- **Perkhidmatan Pembalakan**
- **Agen jual beli bahan batuan atau pasir**
- **Wakil tunggal pembekalan pasir silika untuk pasaran di Negeri Melaka**
- **Membekal bahan-bahan keperluan dan bahan mentah untuk kapal-kapal di perairan Selat Melaka**
- **Membekal Air Minuman Osmosis Berbalik jenama "Tuah & Teja"**

Melaka Bekal Sdn Bhd was established on 07 March 2006 and formerly known as Melaka Toll Shopping Centre Sdn Bhd

Business activities are as follows:

- ***Manage the application for issuing of rocks, sand and private land.***
- ***Logging services***
- ***Sale and purchase agentfor rock and sands***
- ***Sole supplier for silica sand in the state of Melaka***
- ***Provite the necessities and raw materials for ships in the Straits Of Melaka***
- ***Supplying "Tuah & Teja" brand Reverse Osmosis Drinking Water***

MELAKA SENTRAL SDN BHD

OBJEKTIF :-

MENGURUSKAN KESELURUHAN KOMPLEKS MELAKA SENTRAL SECARA PROFESSIONAL BAGI MEMASTIKAN KESELESAAN DAN KEMUDAHAN PERNIAGAAN KEPADA PENYEWA DAN ORANG AWAM

MISI

Menyediakan kemudahan pengangkutan awam yang bersepadu beserta prasarana terkini serta peluang perniagaan/penyewaan melalui pengurusan yang cekap untuk kepuasan pelanggan.



VISI

i) PERKHIDMATAN – ORANG AWAM

Penyediaan sistem pengangkutan yang teratur dan bersistematik di Negeri Melaka khususnya dan Malaysia amnya.





II) PERKHIDMATAN – PENYEWAAN

Memberi dan menyediakan peluang perniagaan melalui tawaran sewaan premis perniagaan kepada usahawan kecil dan sederhana,





HUBUNGI KAMI :

Alamat : Melaka Sentral Sdn Bhd
Jalan Tun Abdul Razak, Peringgit,75300 Melaka
Tel : +606 2881324 Faks : +606 2881322
Email : melakasentralsdnbhd@yahoo.com.my



SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT

Industry Awards

BEST PRIVATELY MANAGED BUS TERMINAL

is awarded to

MELAKA SENTRAL
(MELAKA SENTRAL SDN BHD)

in conjunction with

SPAD Land Public Transport Symposium 2017
"Reimagining Transportation:
Sustainable Mobility"

Mohd Azharuddin Mat Seh
Chief Executive Officer
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat



HOTEL MITC

M'Corp Hotel Sdn. Bhd.
132263K









PKNM mula mengambil alih Syarikat M'Corp Hotel Sdn Bhd (MCORP) pada 15 November 2016. Syarikat menjalankan aktiviti dalam bidang perhotelan. M'CORP diberi tanggungjawab untuk mengendalikan pengurusan dan operasi Hotel MITC, Ayer Keroh, Melaka.

Hotel MITC bertaraf 4 bintang dengan kemudahan yang disediakan seperti berikut:

- 189 bilik penginapan
- Restoran Bemban
- Asahan Coffee
- Kolam renang
- Dewan Gadek
- Bilik Gadek 5
- Halaman Brisu
- Resepsi Perkahwinan
- Perkhidmatan Katering



















MITC
MELAKA INTERNATIONAL TRADE CENTRE

Melaka International Trade Centre Sdn Bhd (MITCSB) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1993.

MITCSB diberi tanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir Melaka International Trade Centre bagi menyediakan perkhidmatan ruang pameran, konvensyen, acara khas dan lain-lain.

Kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh MITCSB:

- Dewan pameran dengan keluasan dari 3,973.75 meter persegi hingga 13,090 meter persegi.
- Sebuah bilik VIP.
- 6 buah bilik mesyuarat.
- Auditorium yang boleh menampung hingga 272 orang.
- Grand ballroom yang boleh menampung dari 750 orang hingga 1,200 orang.
- Sebuah Bilik Mesyuarat Lembaga Pengarah yang boleh menampung hingga 35 orang.



PM Multilink

PM Multilink Sdn Bhd telah ditubuhkan pada 12 November 1990. Syarikat menjalankan aktiviti seperti berikut:

- Penyewaan lot rumah kedai.
- Mengendalikan pengurusan dan Kolam Rekreasi Air Panas Gadek Alor Gajah, Melaka yang beroperasi 24 jam sehari.
  - ***Fasa 1:***
    8 buah kolam kecil dan
    2 buah kolam utama.
  - ***Fasa 2:***
    5 buah kolam berbumbung, sebuah kolam utama, sebuah kolam kanak-kanak dan 4 unit bangunan
    SPA keluarga.

Antara kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di Kolam Rekreasi Air Panas Gadek:

- Penyewaan lot rumah kedai.
- Mengendalikan pengurusan dan Kolam Rekreasi Air Panas
  Gadek Alor Gajah, Melaka yang beroperasi 24 jam sehari.





Melaka Halal Hub Sdn Bhd (MHHSB) telah ditubuhkan pada 24 Mei 2006.

Aktiviti syarikat adalah seperti berikut:

- Menguruskan Projek Industri Halal Hub Serkam, Melaka yang berfungsi untuk membangunkan usahawan industri halal.
- Menjalankan program pembangunan usahawan seperti pensijilan halal, proses pemberian geran dan pinjaman, pembangunan jenama dan pembungkusan dan pemasaran di dalam dan di luar negara.
- Menawarkan penjualan tanah kepada pelabur tempatan dan luar negara untuk pembinaan kilang produk halal.
- Menyediakan penyewaan premis kilang kepada usahawan industri kecil dan sederhana (IKS).



SEWAAN KILANG
MELAKA HALAL HUB, SERKAM

Lot 125, Bangunan Anchor,
Kawasan Perindustrian Melaka Halal Hub, 77300,
Serkam, Melaka



KILANG SESEBUAH
(BANGLO)

SAIZ LOT (70' X 111')
SAIZ BANGUNAN (6010 KP)
RM3800 / BULAN



KILANG BERKEMBAR
(SEMI-D)

SAIZ LOT (50' X 84')
SAIZ BANGUNAN (3320 KP)
RM2100 / BULAN



KILANG TERES

SAIZ LOT (24' X 80')
SAIZ BANGUNAN (2080 KP)
RM800 / BULAN
* Kilang Teres Terhad Kepada Usahawan Bumiputera

06-2636333 06-2636301

FASA 1(B)
KILANG TERES (GMP)
SAIZ BANGUNAN: 5450 KP
HARGA: RM2000 /
RM 0.36 SKP



FASA 1
KILANG IKS (RUMAH KEDAI)
SAIZ LOT: 20' X 60'
HARGA: RM400 - RM700



FASA 1(A)
KILANG BERKEMBAR IKS
SAIZ BANGUNAN: 3600 KP
HARGA: RM1200 /
RM0.35 SKP



AKTIVITI BERGAMBAR PM PROJECTS CENTRE SDN BHD TAHUN 2021

Menjalankan kerja-kerja lanskap



Menjalankan kerja-kerja sanitasi di dalam ruang pejabat



Menjalankan kerja-kerja pembersihan di dalam ruang pejabat





Menjalankan kerja-kerja mechanical & electric



Menjalankan kerja-kerja civil & structure



Menjalankan kerja-kerja mechanical & electric



PKNM Energy Sdn Bhd (PKNME) diberi mandat oleh Kerajaan Negeri Melaka sebagai penyelaras segala aktiviti dalam Industri Minyak,Gas dan Tenaga di negeri ini. Pada masa kini, PKNME telah melaksanakan projek-projek berkaitan Tenaga Diperbaharui selain bertekad untuk menceburi Projek dan Pembangunan dalam sektor ***'upstream & downstream'*** bersama PETRONAS serta sektor Industri Marin di negeri Melaka

PKNME akan memfokuskan kepada :

Penyelenggaraan Bangunan & Infrastruktur (BMI)

Perniagaan Sektor Minyak & Gas (Oil & Gas)

Perkhidmatan Pencucian & Penyelenggaraan Tangki

Panel Tenaga Solar & Projek Tenaga Diperbaharui

PKNM Energy Sdn Bhd (PKNME) was mandated by the Melaka State Government as the coordinator of all Oil,Gas dan Energy related activities for the State Of Melaka. Nowadays, PKNME will focus on Renewables Projects instead of venturing into ***'upstream & downstream'*** sectors under PETRONAS together with Marine Industries sector in the state of Melaka

PKNME will focus on :

Building Infrastructure & Maintenance (BIM)

Oil & Gas Trading

Tank Cleaning & Maintenance Services

Solar Powered Panel & Renewable Energy Projects







INVEST MELAKA

Invest Melaka Berhad adalah satu agensi pelaburan di Negeri Melaka dan berperanan menjalankan aktiviti promosi pelaburan asing dan tempatan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Selain itu, Invest Melaka juga menjalankan perancangan pembangunan perindustrian di Melaka serta membantu syarikat dalam pelaksanaan dan operasi projek pembinaan. Invest Melaka juga menawarkan bantuan melalui perundingan terus dan berkerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan di peringkat persekutuan dan negeri.

1. Lawatan ke kilang - kilang di kawasan perindustrian Negeri Melaka bersama TYT Negeri Melaka, Ketua Menteri Melaka, Exco Kanan Pelaburan, Perindustrian, Pembangunan Koperasi dan Usahawan.



2. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bersama agensi teknikal terlibat MBMB, MPAG, MPJ, MPHTJ, JAS, JKR, JKN, JPS, Kastam, BKI, PTG, PDTMT, PDTJ, PGTAG, Indah Water Konsortium, SAMB, TM, CIDB, MIDA dan JTK.



3. Lawatan ke kawasan perindustrian yang menghadapi masalah kebersihan, banjir, dan sebagainya bersama agensi yang terlibat.



INVEST MELAKA

4. Kunjungan hormat bersama syarikat dan pelabur luar yang berpotensi.



5. Majlis Pelancaran Melaka Week Expo 2020 Dubai yang disempurnakan oleh oleh YAB Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, Ketua Menteri Melaka.



6. Operasi Khas Task Force Covid di kilang-kilang Negeri Melaka bersama agensi yang terlibat MBMB, PDRM, JKN dan Imigresen.



LAPORAN KELAB SUKAN & SOSIAL (KESUPMA)

KESUPMA
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

TERDAPAT 6 JAWATANKUASA





Exco Agama dan Kerohanian menjalankan aktiviti exco di dalam keadaan serba sederhana berikutan wabak pandemik Covid-19 yang telah melanda di seluruh dunia.

Pada tahun 2021 kakitangan PKNM dibenarkan hadir ke pejabat yang telah membuka operasinya secara beransur-ansur setelah Majlis Keselamatan Negara (MKN) membuka beberapa sektor ekonomi dan pentadbiran untuk memastikan kelangsungan pembangunan dan pentadbiran negara kembali rancak.

Aktiviti tradisi seperti bacaan surah Yasin dan ceramah agama telah mula diadakan secara fizikal seperti tahun-tahun sebelumnya namun setiap warga kerja adalah wajib mematuhi SOP yang telah diamalkan.

Sepanjang tahun 2021 sebanyak 11 program yang telah dilaksanakan oleh Biro Agama dan Kerohanian merangkumi program bacaan surah Yasin, ceramah agama dan gotong-royong.

Aktiviti pada bulan Ramadan tahun lalu juga diteruskan seperti edaran kurma kepada warga kerja PKNM untuk menyambut Ramadan, program tadarus dan khatam Al-Quran dan program gotong-royong memasak serta mengedarkan bubur lambuk. Program-program yang tertangguh sejak tahun 2020 telah dapat dilaksanakan pada tahun 2021 dengan suasana norma baharu.

Selain itu Biro Agama dan Kerohanian telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan Tabung Infak Surau PKNM bagi memberi peluang kepada kakitangan PKNM yang berhasrat untuk menyumbang kepada pembangunan dan keceriaan surau di Aras 4 PKNM.

1

EXCO
Agama & Kerohanian

Berikut adalah senarai program-program yang telah dianjurkan oleh Exco Agama dan Kerohanian sepanjang tahun 2021.

Aktiviti / Program Exco Agama & Kerohanian Di Sepanjang Tahun 2021

01 **19 Februari 2021**
Program bacaan Yasin peringkat PKNM

02 **19 Mac 2021**
Ceramah agama sempena Israk Mikraj 1442H

03 **9 April 2021**
Sumbangan kurma kepada ahli KESUPMA melalui perhimpunan pagi PKNM untuk menyambut Ramadan

04 **23 April 2021**
Tazkirah Ramadan

05 **29 April 2021**
Ceramah Agama Tadabbur Al-Quran dan "Quran Hour" Sempena Nuzul Quran

06 **4 Mei 2021**
Program Gotong-Royong Memasak dan Mengedarkan Bubur Lambuk

07 **7 Mei 2021**
Majlis Khatam Al-Quran

08 **6 Jun 2021**
Majlis Bacaan Yasin Memohon Kesembuhan Buat Anggota PKNM yang Dijangkiti Covid-19

09 **2 September 2021**
Program Bacaan Yasin

10 **29 Oktober 2021**
Solat Hajat dan Bacaan Yasin

11 **25 November 2021**
Program Munajat Memohon Kesejahteraan & Bacaan Yasin Pandemik Covid-19

KESIMPULAN

Secara keseluruhan Biro Agama dan Kerohanian telah berjaya melaksanakan aktiviti-aktiviti sepertimana yang telah dirancang pada awal tahun dan menjadi antara biro yang paling aktif menjalankan aktiviti untuk manfaat kepada ahli kelab. Sungguh pun berdepan dengan suasana norma baharu, program ini dapat dilaksanakan dengan lancar berkat kerjasama semua barisan Exco, AJK dan kakitangan PKNM yang turut membantu menjayakan setiap program diadakan. Semua aktiviti yang dilaksanakan mendapat sambutan yang sangat baik oleh ahli kelab dan akan ditambahbaik di masa akan datang.

SEKITAR PROGRAM-PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2021 DAN 2022





Majlis bacaan Yasin dan solat hajat.

EXCO

1

Agama & Kerohanian





Program Ceramah Agama Sempena Israk Mikraj





Program Gotong Royong Masak dan Edaran Bubur Lambok





Program Bacaan Yasin Secara Atas Talian

EXCO

1

Agama & Kerohanian





Ceramah Agama Mingguan





Program Tadarus dan Khatam Al-Quran





Program Tadabbur Al-Quran dan Quran Hour Sempena Nuzul Quran

2

EXCO

Kebajikan& Keluarga

i. Pengerusi - Puan Siti Aishah Binti Hj Madzlan
ii. Timbalan Pengerusi - Encik Mohamad Roshan Shah Bin Ghazali
iii. Setiausaha - Cik Nur Liyana Binti Alias
iv. Bendahari - Encik Muhammad Aziq Bin Abidullah
v. Ahli-ahli
- Puan Noraini Binti Md Basir@Basir
- Cik Siti Rumaizah Binti Mohd Said
- Encik Anuar Binti Ayub
- Encik Hamzah Bin Haron
- Puan Rosniza Binti Othman
- Puan Siti Norihan Binti Ahmad
- Encik Mohd Radzuan Bin Ahmad
- Encik Mohd Rostam Bin Yusuf

AKTIVITI-AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN TAHUN 2020 DAN 2022

Sambutan Hari Wanita Peringkat PKNM Bagi Tahun 2021

i. Tarikh : 8 Mac 2021 (Isnin)
ii. Peserta : 150 Ahli KESUPMA
iii. Tempat : Ruang Legar Menara MITC

- Sambutan Hari Wanita PKNM Tahun 2021 adalah julung-julung kali dilaksanakan oleh PKNM selepas lanjutan daripada kesan penularan wabak Covid -19.

- Pelbagai aktiviti menarik telah diatur semasa sambutan tersebut dilaksanakan. Sambutan ini juga dilaksanakan dengan mengikut SOP di Ruang Legar Menara MITC. Sambutan ini juga memberi sokongan sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun PKNM.

- Semasa majlis tersebut YBhg Datuk Ketua Pegawai Eksekutif, PKNM merangkap Penasihat KESUPMA telah bersetuju untuk memberi cenderamata berupa sekuntum bunga, coklat dan sarapan pagi McDonald kepada 150 orang ahli KESUPMA.

- Sempena simbolik Sambutan Jubli Emas 50 Tahun PKNM , majlis juga meraikan wanita PKNM yang berusia 50 tahun iaitu Puan Norlin Binti Wayot yang lahir pada tahun 1971.







2 EXCO

Kebajikan& Keluarga

Program Ziarah Kasih Ramadan KESUPMA Bagi Tahun 2021

i. Tarikh : 5 Mei 2021 (Rabu)
ii. Peserta : 12 Orang Pesara

- Kelab Sukan dan Sosial PKNM (KESUPMA) menerusi EXCO Kebajikan dan Keluarga KESUPMA telah mengadakan Program Ziarah Kasih Ramadan. Program ini melibatkan lawatan ke rumah 12 orang pesara PKNM yang uzur dan tidak sihat.

- Tujuaan program ini diadakan adalah bagi menghargai jasa bakti dan mengekalkan jalinan silaturahim di kalangan ahli dan pesara PKNM.

- Senarai pesara yang diziarahi ialah:
  1. Tuan Hj Abdul Rahim Bin Ibrahim
  2. Puan Norlaila Binti Daud
  3. Encik Husin Bin Dalib
  4. Encik Asnur Bin Tambri
  5. Encik Anuar Shah Bin Ibrahim
  6. Tuan Hj Rahim Bin Haron
  7. Encik Md Saat Bin Sabtu
  8. Tuan Hj Abu Hassan
  9. Encik Mohd Zin Bin Abdullah
  10. Puan Norhayati Binti Isa
  11. Tuan Hj Zakaria Bin Abu Bakar
  12. Encik Abu Bakar Bin Wahab











EXCO
Kebajikan& Keluarga
2

Lawatan Dan Serahan Sumbangan Kepada Ahli KESUPMA Yang Terjejas Akibat Banjir Kilat Di Negeri Melaka.

i. Tarikh : 21 Oktober 2021 (Khamis)
ii. Ahli Terlibat : 3 Orang Ahli KESUPMA
iii. Tempat : Kawasan Banjir

- Pada tanggal Mei 2021 dan Oktober 2021 Melaka telah dilanda banjir kilat yang besar sebanyak 2 kali dan menyebabkan kerugian kepada mangsa banjir.

- Selain itu juga banjir kilat menyebabkan pelbagai barang keperluan harian rosak dan dihanyutkan oleh arus yang deras.

- Seramai 3 orang ahli KESUPMA terlibat dan rumah mereka juga turut ditenggelami banjir kilat. YBhg Datuk Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengerusi KESUPMA bersama Exco Kebajikan dan Keluarga telah mengadakan lawatan dan memberi sedikit sumbangan untuk meringankan beban mereka.





Lawatan Datuk KPE ke rumah anggota PKNM yang terjejas akibat banjir kilat





2

EXCO
Kebajikan & Keluarga

Pemberian Kadar Manfaat Ahli 2021 dan 2022

- Kelab Sukan dan Sosial PKNM (KESUPMA) menerusi EXCO Kebajikan dan Keluarga KESUPMA turut meraikan ahi-ahli dan Keluarga KESUPMA dengan pemberian manfaat ahli seperti sumbangan perkahwinan, kelahiran anak, anak cemerlang, bakal haji dan bakal umrah yang ditaja oleh PKNM sekali dalam perkhidmatan.

- Senarai penerima manfaat ahli sepanjang tahun 2020, 2021 dan 2022 adalah seperti berikut:
  i. Encik Muhammad Shabri Bin Kasim (Kelahiran Anak)
  ii. Encik Muhammad Fareez Bin Ab Ghafar (Kelahiran Anak)
  iii. Puan Nur Hawa Binti Mohd Zain (Kelahiran Anak)
  iv. Puan Siti Nasuha Binti Sabarudin (Kelahiran Anak)
  v. Puan Suziyana Bin Abu (Kelahiran Anak)
  vi. Encik Mohd Rizal Bin Yusof (Kelahiran Anak)
  vii. Puan Hanis Haziqah Binti Mohd Hanafi (Kelahiran Anak)
  viii. Puan Norsyafira Binti Mohamad (Kelahiran Anak)
  ix. Puan Nur Sheela Binti Hashim (Kelahiran Anak)
  x. Encik Mohd Hasri Bin Sanusi (Kelahiran Anak)
  xi. Puan Shahidah Binti Hj Nordin (Kelahiran Anak)
  xii. Puan Noor Hidayah Binti Saad (Kelahiran Anak)
  xiii. Encik Mohd Hafiz Bin Mat Shah (Kelahiran Anak)
  xiv. Encik Mohd Hamdy Bin Yusof (Kelahiran Anak & Anak Cemerlang (UPKK))
  xv. Encik Madzin Bin Abdol (Anak Cemerlang (UPKK)
  xvi. Encik Mohd Hazrul Bin Wahab (Anak Cemerlang (UPKK)
  xvii. Encik Mohd Azhar Bin Ismail (Anak Cemerlang (UPKK)
  xviii. Encik Norazman Bin Mat Sabilan (Anak Cemerlang (UPKK)
  xix. Puan Syahirunnesak Binti Abdullah (Anak Cemerlang (UPKK) & Umrah)
  xx. Puan Zakiah Binti Abdullah (PKNM)
  xxi. Encik Mohammad Illiyiin Bin Rahmad (Perkahwinan)
  xxii. Encik Muhammad Zulhilmi Bin Abdul Halim (Perkahwinan)
  xxiii. Encik Tharmendren A/L M.S Mahadeven (Perkahwinan)

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya EXCO Kebajikan & Keluarga PKNM telah berjaya melaksanakan pelbagai aktiviti dengan lancar dan sempurna. Manakala ahli-ahli jawatankuasa yang dilantik telah menunjukkan komitmen yang tinggi, kesungguhan, semangat kerja berpasukan dan bertanggungjawab dalam setiap tugasan yang diamanahkan. Semua aktiviti yang dilaksanakan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada semua pegawai dan anggota PKNM

3

EXCO

Ekonomi

i. Pengerusi : Puan Suzana Binti Ahmad
ii. Timbalan Pengerusi : Puan Noraziah Binti Ahmad
iii. Setiausaha : Puan Azlina Binti Ahmad
iv. Bendahari : Puan Shabarina Binti Shariff
v. Ahli
- Puan Norpipah Binti Mat
- Puan Norsyafira Binti Mohamad
- Puan Nur Ízzati Binti Zakaria
- Puan Norazreen Binti Kasim
- Encik Anuar Bin Ayub
- Puan Noor Hafizah Binti Hj Nordin
- Puan Norhidayah Binti Saad
- Puan Firda Ayu Binti Mohamed Zubir
- Cik Nor Hidayu Binti Sham
- Encik Zamri Bin Aris

FUNGSI DAN PERANAN BIRO EKONOMI

Biro Ekonomi bertanggungjawab membantu dalam pengurusan dan penjanaan kewangan Kelab.



MATLAMAT

Membantu meningkatkan penjanaan kewangan KESUPMA melalui aktiviti-aktiviti jualan dan sewaan tapak jualan sepertimana berikut :

Gerai Jualan dan Sewaan Tapak sempena Ramadan, Biro Ekonomi telah berjaya menyewakan 8 lot tapak jualan pelbagai jenis juadah berbuka puasa kepada peniaga sepanjang tempoh bulan Ramadan.











Aktiviti perniagaan sempena Bulan Ramadhan

JUALAN PERABOT TERPAKAI

Biro Ekonomi telah menjalankan aktiviti jualan perabot terpakai kepada anggota PKNM yang berminat sebanyak 43 unit telah berjaya dijual



3 EXCO
Ekonomi

SEWAAN TAPAK DI LOBI DAN JUALAN SETIAP HUJUNG BULAN

Aktiviti bagi jualan setiap hujung bulan dan sewaan tapak tidak dapat dijalankan sepertimana yang telah dijadualkan mamandangkan negara dilanda Pandemik Covid 19.

4 EXCO

Sukan

i. Pengerusi : Encik Zaini Bin Abdul Rahman
ii. Timbalan Pengerusi : Puan Norazreen Binti Kasim
iii. Setiausaha : Puan Norazila Binti Zurali
v. Ahli

- Puan Siti Norihan Binti Ahmad - Bola Jaring
- Encik Zulhilmi Bin Abdul Halim - Boling
- Encik Mohamed Roshan Shah Bin Ghazali - Futsal
- Encik Saibruliqbal Bin Saifulbazli - Dart
- Encik Zulkipli Bin Hassan - Badminton
- Encik Muhammad Syahir Bin Saleh - Karom
- Encik Hamzah Bin Haron - Ping Pong
- Encik Amirul Bin Wahid - Bola Tampar
- Cik Norhasliah Binti Hashim - Sukan Dalaman & Publisiti
- Cik Nurull Ain Binti Amry - Sukan Dalaman & Publisiti





1. Futsal
   a) Perlawanan Persahabatan Futsal :
      i) PKNM lwn AADK (Menang 3 - 1)
      20 November 2021
      ii) PKNM lwn Jabatan Kesihatan (Menang 2 - 0)
      20 November 2021.
      iii) PKNM lwn RISDA (Menang 4 - 1)
      6 Disember 2021
      iv) PKNM lwn Jabatan Kesihatan (Tewas 1 - 2)
      6 Disember 2021.







4 EXCO
Sukan

2. Mini Gemaputera - E-Sport

Penganjur JCorp

- Perlawanan dijalankan secara liga bermula pada 13 November 2021 hingga 12 Disember 2021 (Sabtu - Ahad, untuk sebulan)
- PKNM menduduki tempat ke - 5 dari 6 pasukan yang bertanding
- Tempat Pertandingan adalah di lokasi masing-masing











3. Badminton

Mengadakan sesi latihan pada setiap hari Isnin dan Rabu di Dewan MSN Ayer Keroh.

4. Bola Tampar

Mengadakan sesi latihan pada setiap hari Selasa dan Khamis di Gelanggang PKNM

5

EXCO

Rekreasi

i. Pengerusi : Encik Mohd Hazrul Bin Abdul Wahab
ii. Timb. Pengerusi : Encik Muhammad Khairul Affendi Bin Derus
iii. Setiausaha : Puan Syahirunnesak Binti Abdullah
iv. Bendahari : Cik Hayati Binti Dahlan
v. Ahli
- Encik Anuar Bin Ayub
- Encik Mohd Hafifi Bin Mohd Taib
- Encik Mohd Faizal Khusairy Bin Razali
- Encik Mohd Yasin Bin Pendik
- Encik Noor Azman Bin Mat Delan
- Puan Khairani Dalillah Binti Abdullah
- Puan Siti Farah Binti Abdol Kadir

AKTIVITI-AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN

Tugas utama Biro Rekreasi, KESUPMA ini adalah merancang, mengurus, menyelaras dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berbentuk rekreasi yang dapat mengeratkan lagi silaturrahim di kalangan anggota dan kakitangan PKNM. Di antara aktiviti yang telah dijalankan oleh Biro Rekreasi pada tahun 2021 dan 2022 adalah seperti berikut :

a) XPDC Kayak & Eksplorasi Pulau Besar

Tarikh : 30 Oktober 2021
Tempat : Pantai Siring, Melaka
Penglibatan : 30 Orang Ahli
Anjuran : Biro Rekreasi (KESUPMA), PKNM



b) Program Rekreasi Paintball

Tarikh : 6 Mac 2022
Tempat : Jebat Paintball Arena, Kompleks Sukan Hang Jebat
Penglibatan : 30 Orang Ahli
Anjuran : Biro Rekreasi (KESUPMA)



KESIMPULAN

Aktiviti yang telah dirancang oleh Exco Rekreasi KESUPMA, PKNM terpaksa dibatalkan atas faktor keselamatan dan bagi membendung penularan wabak pandemik Covid-19. Sehubungan dengan itu, Exco Rekreasi memohon maaf di atas segala kesulitan yang berlaku.

6

EXCO

Penerangan, ICT & Penerangan



SENARAI AHLI JAWATANKUASA

a. Pengerusi : Encik Faiz Bin Ismail
b. Timbalan Pengerusi : Encik Muhammad Rafiq Bin Mohd Nasir
c. Setiausaha : Puan Umi Insyirah Binti Razak
d. Bendahari : Puan Nor Masni Asnida Binti Utoh
e. Ahli jawatankuasa :
   i. Encik Muhammad Faiz Hafizuddin Bin Mohd Radzi
   ii. Encik Mohammad Fareez Ashman Bin Ab Ghafar
   iii. Puan Noor Izzati Binti Hasnoor
   iv. Cik Nurizzati Binti Mohamad Diah
   v. Puan Siti Nur Fatihah Binti Abd Hammed
   vi. Encik Mohd Zulfekar Bin Jamaludin
   vii. Cik Nursyazananie Damea Binti Adenan
   viii. Puan Rafizah Binti Mohamad
   ix. Cik Shakierah Binti Mohamad Jefri
   x. Cik Nur Syafiqah Binti Ibrahim
   xi. Encik Zulhilmie Nur Bin Anuar

EXCO ini sentiasa menyokong dan menjadi tulang belakang bagi setiap aktiviti KESUPMA yang dijalankan. Penglibatan kami termasuklah dari segi perkhidmatan fotografi, siaran langsung di Facebook, penyediaan montaj, perkhidmatan ICT, dan mewujudkan platform media social untuk KESUPMA

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2021

EXCO
6 Rekreasi

07 JANUARI
UKUR BAJU KORPORAT AJK KESUPMA

18 FEBRUARI
LIVE MAJLIS BACAAN YASIN & TAZKIRAH DI FB KESUPMA

08 MAC
LIVE MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT PKNM DI FB

19 MAC
LIVE CERAMAH SAMBUTAN MAULIDUR RASUL DI FB KESUPMA

23 APRIL
LIVE TAZKIRAH RAMADHAN DI FB KESUPMA

28 APRIL
JURUGAMBAR PROGRAM CERAMAH AGAMA TADABBUR AL QURAN SEMPENA NUZUL QURAN RAMADAN AL MUBARAK 1442H

22 OKTOBER
JURUGAMBAR PROGRAM BANTUAN BANJIR

27 OKTOBER
JURUGAMBAR MAJLIS BACAAN YASIN

PENUBUHAN FACEBOOK, TWITTER, DAN INSTAGRAM KESUPMA



LAPORAN KEWANGAN

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

KANDUNGAN	MUKA SURAT
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA	58 - 62
PENYATAAN PARA PENGARAH	63
PENGAKUAN BERKANUN	64
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	65 - 66
PENYATA PENDAPATAN	67 - 68
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI	69 - 72
PENYATA ALIRAN TUNAI	73 -76
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	77 - 126



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah Subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka. Penyata Kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 64.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka 1971 kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

Merujuk Nota 6 kepada Penyata Kewangan, nilai Hartanah Pelaburan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM357,830,972. Termasuk dalam amaun tersebut adalah hartanah IKS Duyong Fasa 2B dan IKS Ayer Panas Fasa 3 dengan nilai hartanah keseluruhan berjumlah RM7,375,070. Nilai hartanah pelaburan IKS Duyong Fasa 2B dan IKS Ayer Panas Fasa 3 ini tidak diiktiraf mengikut perubahan nilai semasa hartanah sejumlah RM9,304,000. Perkara ini menyebabkan sejumlah RM1,928,930 telah terkurang nyata bagi Hartanah Pelaburan dan Lain-lain Pendapatan bagi tahun semasa.

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Perkara Utama Audit

Kecuali perkara yang dijelaskan dalam perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran, saya memutuskan bahawa tidak ada Perkara Utama Audit lain untuk disampaikan di dalam Sijil ini.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka 1971. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada, secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Kumpulan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau

keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka 1971, saya juga melaporkan:

a. syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya telah dinyatakan di Nota 9 dalam penyata kewangan; dan

b. pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka 1971 untuk disimpan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka berdasarkan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka 1971 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DR. NOR HAIZA BINTI ABD AZIZ@JUNED)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
25 OGOS 2022

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

PENYATAAN PARA PENGARAH

Kami, **Y.A.B. DATUK SERI UTAMA DR. HAJI SULAIMAN BIN MD ALI** dan **Y.B. DATUK ZAIDI BIN JOHARI**, dua daripada para pengarah PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapan, Penyata Perubahan Ekuti dan Penyata Aliran Tunai berserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya adalah disedikan dengan menurut Piawaian Laporan Kewangan Entiti Persendirian Malaysia untuk menunjukan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Perbadanan pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah,

Y.A.B DATUK SERI UTAMA DR HAJI SULAIMAN MD ALI
Pengerusi

Y.B DATUK ZAIDI BIN JOHAR
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Melaka
Tarikh:

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

PENGAKUAN BERKANUN
OLEH PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya DATUK HAJI AZMI BIN HAJI HUSSAIN, sebagai pegawai yang bertanggungjawab ke atas rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan dan Penyata Aliran Tunai beserta nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya adalah benar dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh)
DATUK HAJI AZMI BIN HJ HUSSAIN)
di Melaka dalam Negeri Melaka)
pada 29 APR 2022)

DATUK HAJI AZMI BIN HJ HUSSAIN
(600729-04-5123)

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
NO: M 101
Muhammad Firdaus Bin Suhaimi
01/06/2021 - 31/12/2023
MALAYSIA
No. 1-1, Jalan Takh 15,
Taman Ayer Keroh Heights I
Ayer Keroh, 75450 Melaka

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2021

		Kumpulan		Perbadanan	
		2021	2020 Dinyatakan semula	2021	2020 Dinyatakan semula
	Nota	RM	RM	RM	RM
ASET TETAP					
Aset Bukan Semasa					
Hartanah, loji dan peralatan	5	67,105,573	69,015,717	59,680,795	61,481,908
Hartanah pelaburan	6	403,240,573	416,991,681	357,830,972	330,274,183
Tanah dipegang untuk pembangunan	7	5,781,713	5,781,713	5,781,713	5,781,713
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	8	70,000	-	38,336,017	34,423,085
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	9	7,557,986	7,546,143	7,557,986	7,557,986
Lain-lain pelaburan	10	5,819,793	6,576,430	319,793	535,804
Muhibah	11	89,782	124,782	-	-
Aset cukai tertunda		509,170	509,170	-	-
Jumlah Aset Bukan Semasa		490,174,590	506,545,636	469,507,276	440,054,679
Aset Semasa					
Perbelanjaan pembangunan	12	197,340,663	194,469,529	197,340,663	194,469,529
Inventori	13	184,336,875	193,938,525	184,253,580	193,896,476
Penghutang dagangan dan lain-lain	14	46,762,810	42,413,055	13,282,841	15,497,317
Jumlah terhutang oleh anak-anak syarikat	15	698,888	43,861	3,741,509	6,981,826
Simpanan tetap dengan bank berlesen	16	15,140,951	22,613,668	13,013,800	19,013,800
Tunai di tangan dan di bank		11,097,148	14,020,215	3,255,469	9,929,508
Jumlah Aset Semasa		455,377,335	467,498,853	414,887,862	439,788,456
Jumlah Aset		945,551,925	974,044,489	884,395,138	879,843,135

Nota-nota dilampirkan merupakan sebahagian daripada,
dan perlu dibaca bersama penyata kewangan ini.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN ("SAMBUNGAN")
PADA 31 DISEMBER 2021

		Kumpulan		Perbadanan	
		2021	2020 Dinyatakan semula	2021	2020 Dinyatakan semula
	Nota	RM	RM	RM	RM
EKUITI DAN LIABILITI					
Ekuiti					
Kumpulan wang amanah	17	866,104	730,806	866,104	730,806
Rizab penilaian	18	98,425	98,425	98,425	98,425
Rizab hasil		439,027,542	454,064,456	446,632,512	423,350,824
		439,992,071	454,893,687	447,597,041	424,180,055
Kepentingan bukan kawalan		124,517	91,551	-	-
Jumlah Ekuiti		440,116,588	454,985,238	447,597,041	424,180,055
Liabiliti Bukan Semasa					
Geran kerajaan persekutuan	19	64,964,211	68,600,898	64,964,211	68,600,898
Pemiutang sewabeli	20	483,963	548,408	-	55,048
Pinjaman	21	111,024,371	129,922,790	69,389,440	89,175,131
Cukai tertunda		2,262	163	-	-
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		176,474,807	199,072,259	134,353,651	157,831,077
Liabiliti Semasa					
Pemiutang dagangan dan lain-lain	22	107,014,860	129,016,675	86,914,274	112,647,931
Pemiutang sewa beli	20	159,474	172,512	57,482	80,778
Pinjaman	21	192,883,965	162,484,210	189,981,590	159,612,194
Liabiliti cukai semasa		27,270,142	25,928,233	25,491,100	25,491,100
Geran CAPEX		1,632,089	2,385,362	-	-
Jumlah Liabiliti Semasa		328,960,530	319,986,992	302,444,446	297,832,003
Jumlah Liabiliti		505,435,337	519,059,251	436,798,097	455,663,080
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		945,551,925	974,044,489	884,395,138	879,843,135

Nota-nota dilampirkan merupakan sebahagian daripada,
dan perlu dibaca bersama penyata kewangan ini.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

		Kumpulan		Perbadanan	
		2021	2020 Dinyatakan semula	2021	2020 Dinyatakan semula
	Nota	RM	RM	RM	RM
Hasil	23	73,468,984	58,507,796	24,618,090	28,580,375
Kos hasil		(28,028,162)	(11,000,294)	(3,993,067)	5,714,613
Keuntungan kasar		45,440,822	47,507,502	20,625,023	34,294,988
Lain-lain pendapatan	24	44,039,713	24,722,694	38,509,656	19,586,808
Perbelanjaan pentadbiran dan operasi		(94,267,166)	(39,877,904)	(31,586,476)	(23,545,230)
Kos kewangan	25	(5,330,841)	(6,499,227)	(4,266,515)	(5,429,438)
Bahagian kerugian syarikat-syarikat bersekutu, bersih selepas cukai		-	-	-	-
Keuntungan/ (Kerugian) sebelum cukai		(10,117,472)	25,853,065	23,281,688	24,907,128
Cukai pendapatan	27	(1,865,937)	26,209	-	-
Keuntungan/ (Kerugian) bersih selepas cukai		(11,983,409)	25,879,274	23,281,688	24,907,128
Lain-lain pendapatan		-	-	-	-
Jumlah pendapatan/ (kerugian) komprehensif tahun kewangan semasa		(11,983,409)	25,879,274	23,281,688	24,907,128

Nota-nota dilampirkan merupakan sebahagian daripada,
dan perlu dibaca bersama penyata kewangan ini.

(Bersambung)

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

PENYATA PENDAPATAN ("SAMBUNGAN")
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Kumpulan		Perbadanan	
	2021	2020 Dinyatakan semula	2021	2020 Dinyatakan semula
	RM	RM	RM	RM
Keuntungan/(Kerugian) dikaitkan kepada:				
Perbadanan	(11,983,409)	25,879,274	23,281,688	24,907,128
Kepentingan bukan kawalan	-	-	-	-
	(11,983,409)	25,879,274	23,281,688	24,907,128
Jumlah pendapatan/ (kerugian) dikaitkan kepada:				
Perbadanan	(11,983,409)	25,879,274	23,281,688	24,907,128
Kepentingan bukan kawalan	-	-	-	-
	(11,983,409)	25,879,274	23,281,688	24,907,128

Nota-nota dilampirkan merupakan sebahagian daripada,
dan perlu dibaca bersama penyata kewangan ini.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Kumpulan Wang Amanah	Rizab Penilaian	Dinyatakan semula Rizab Hasil	Jumlah	Kepentingan Bukan Kawalan	Jumlah Ekuiti
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
2020						
KUMPULAN						
Baki awal pada 1 Januari 2020	679,196	98,425	405,824,147	406,601,768	2,921	406,604,689
Pelarasan tahun terdahulu	-	-	24,107,520	24,107,520	-	24,107,520
Baki pada 1 Januari 2020 (Dinyatakan semula)	679,196	98,425	429,931,667	430,709,288	2,921	430,712,209
Tambahan / (Pengurangan) tahun semasa	51,610	-	(1,746,485)	(1,694,875)	88,630	(1,606,245)
Jumlah pendapatan tahun kewangan semasa	-	-	25,879,274	25,879,274	-	25,879,274
Baki akhir pada 31 Disember 2020 (Dinyatakan semula)	730,806	98,425	454,064,456	454,893,687	91,551	454,985,238

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI ("SAMBUNGAN")
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Kumpulan Wang Amanah	Rizab Penilaian	Rizab Hasil	Jumlah	Kepentingan Bukan Kawalan	Jumlah Ekuiti
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
2021						
KUMPULAN						
Baki awal pada 1 Januari 2021	730,806	98,425	454,064,456	454,893,687	91,551	454,985,238
Pelarasan tahun terdahulu	-	-	-	-	-	-
Baki pada 1 Januari 2021 (Dinyatakan semula)	730,806	98,425	454,064,456	454,893,687	91,551	454,985,238
Tambahan / (Pengurangan) tahun semasa	135,298	-	(3,053,505)	(2,918,207)	32,966	(2,885,241)
Jumlah pendapatan tahun kewangan semasa	-	-	(11,983,409)	(11,983,409)	-	(11,983,409)
Baki akhir pada 31 Disember 2021	866,104	98,425	439,027,542	439,992,071	124,517	440,116,588

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI ("SAMBUNGAN")
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Kumpulan Wang Amanah	Rizab Penilaian	Dinyatakan semula Rizab Hasil	Jumlah	Kepentingan Bukan Kawalan	Jumlah Ekuiti
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
2020						
PERBADANAN						
Baki awal pada 1 Januari 2020	679,196	98,425	374,088,609	374,866,230	-	374,866,230
Pelarasan tahun terdahulu	-	-	24,355,087	24,355,087	-	24,355,087
Baki pada 1 Januari 2020 (Dinyatakan semula)	679,196	98,425	398,443,696	399,221,317	-	399,221,317
Tambahan / (Pengurangan) tahun semasa	51,610	-	-	51,610	-	51,610
Jumlah pendapatan tahun kewangan semasa	-	-	24,907,128	24,907,128	-	24,907,128
Baki akhir pada 31 Disember 2020 (Dinyatakan semula)	730,806	98,425	423,350,824	424,180,055	-	424,180,055

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI ("SAMBUNGAN")
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Kumpulan Wang Amanah RM	Rizab Penilaian RM	Rizab Hasil	Jumlah RM	Kepentingan Bukan Kawalan RM	Jumlah Ekuiti RM
2021						
PERBADANAN						
Baki awal pada 1 Januari 2021	730,806	98,425	423,350,824	424,180,055	-	424,180,055
Pelarasan tahun terdahulu	-	-	-	-	-	-
Baki pada 1 Januari 2021 (Dinyatakan semula)	730,806	98,425	423,350,824	424,180,055	-	424,180,055
Tambahan / (Pengurangan) tahun semasa	135,298	-	-	135,298	-	135,298
Jumlah pendapatan tahun kewangan semasa	-	-	23,281,688	23,281,688	-	23,281,688
Baki akhir pada 31 Disember 2021	866,104	98,425	446,632,512	447,597,041	-	447,597,041

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

		Kumpulan		Perbadanan	
		2021	2020 Dinyatakan semula	2021	2020 Dinyatakan semula
	Nota	RM	RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA / (DIGUNA DALAM) AKTIVITI OPERASI					
Terimaan daripada pelanggan		70,975,461	59,331,275	26,832,566	29,738,159
Bayaran kepada pembekal		(51,337,715)	64,733,269	(29,726,724)	79,204,498
Bayaran kepada pekerja dan perbelanjaan pentadbiran		(64,966,603)	(18,513,706)	(29,653,955)	2,887,689
Tunai dijana/(diguna) daripada aktiviti operasi		(45,328,857)	105,550,838	(32,548,113)	111,830,346
Cukai dibayar		(305,847)	(405,283)	-	-
Dividen diterima		29,954	59,121	74,954	131,000
Faedah diterima		192,540	323,865	182,220	160,276
Faedah dibayar		(1,046,803)	(1,055,541)	-	-
Lain-lain pendapatan		40,180,787	23,861,767	38,252,482	19,295,532
Peruntukan rosot nilai terpulih		-	-	-	-
Belanja pembiayaan		(4,266,515)	(5,429,438)	(4,266,515)	(5,550,431)
Tunai bersih dijana/(diguna) dalam aktiviti operasi		(10,544,741)	122,905,329	1,695,028	125,866,723

Nota-nota dilampirkan merupakan sebahagian daripada, dan perlu dibaca bersama penyata kewangan ini.

(Bersambung)

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

PENYATA ALIRAN TUNAI ("SAMBUNGAN")
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

		Kumpulan		Perbadanan	
		2021	2020 Dinyatakan semula	2021	2020 Dinyatakan semula
	Nota	RM	RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA / (DIGUNA DALAM) AKTIVITI PELABURAN					
Pembelian hartanah, loji dan peralatan		(2,276,171)	(1,066,630)	(8,499)	(65,280)
Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan		553,042	(531,565)	12,389	20
Penambahan/(Pengurangan) anak syarikat		-	80	(3,912,932)	-
Tunai keluar bersih atas pelupusan anak syarikat		-	29,156	-	1,890,190
Perolehan daripada lain-lain pelaburan		216,011	62,517	216,011	62,517
Penambahan hartanah pelaburan		(12,853,256)	(24,765,052)	(27,556,789)	(24,765,052)
Pelupusan atas pelaburan syarikat bersekutu		-	-	-	-
Pendahuluan kepada pengarah		(4,000)	-	-	-
Pelaburan dalam syarikat milikan		-	-	-	-
Penambahan/(Pengurangan) inventori		9,642,896	(26,266,594)	9,642,896	(26,266,594)
Penambahan/(Pengurangan) perbelanjaan pembangunan		(2,871,134)	(51,311,928)	(2,871,134)	(51,311,928)
Lain-lain pelaburan		473,460	2,400	-	-
Tunai bersih dijana/(diguna) dalam aktiviti pelaburan		(7,119,152)	(103,847,616)	(24,478,058)	(100,456,127)

Nota-nota dilampirkan merupakan sebahagian daripada, dan perlu dibaca bersama penyata kewangan ini.

(Bersambung)

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

PENYATA ALIRAN TUNAI ("SAMBUNGAN")
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

		Kumpulan		Perbadanan	
		2021	2020 Dinyatakan semula	2021	2020 Dinyatakan semula
	Nota	RM	RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA/ (DIGUNA DALAM) AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Geran kerajaan persekutuan diterima		(3,636,687)	(3,636,687)	(3,636,687)	(3,636,687)
Terimaan/(Pembayaran balik) bersih pinjaman		11,440,661	(1,333,155)	10,583,705	(711,537)
Terimaan/(Pembayaran bailk) daripada pemiutang sewabeli		(119,082)	(83,565)	(78,344)	(47,754)
Pembayaran balik pajakan kewangan		(54,426)	(37,902)	-	-
Terimaan/pendahuluan pinjaman daripada syarikat induk		-	-	3,240,317	(1,706,067)
Kos kewangan		(517,057)	(10,253)	-	-
Terimaan pajakan kewangan		154,700	230,700	-	-
Tunai bersih dijana/(diguna) dalam aktiviti pembiayaan		7,268,109	(4,870,862)	10,108,991	(6,102,045)

Nota-nota dilampirkan merupakan sebahagian daripada, dan perlu dibaca bersama penyata kewangan ini.

(Bersambung)

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

PENYATA ALIRAN TUNAI ("SAMBUNGAN")
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

		Kumpulan		Perbadanan	
		2021	2020 Dinyatakan semula	2021	2020 Dinyatakan semula
	Nota	RM	RM	RM	RM
PENAMBAHAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		(10,395,784)	14,186,851	(12,674,039)	19,308,551
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 1 JANUARI		36,633,883	22,447,032	28,943,308	9,634,757
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER		26,238,099	36,633,883	16,269,269	28,943,308
Tunai dan Kesetaraan Tunai					
Tunai di tangan dan di bank		11,097,148	14,020,215	3,255,469	9,929,508
Simpanan tetap dengan bank berlesen	16	15,140,951	22,613,668	13,013,800	19,013,800
		26,238,099	36,633,883	16,269,269	28,943,308

Nota-nota dilampirkan merupakan sebahagian daripada,
dan perlu dibaca bersama penyata kewangan ini.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

1. KEGIATAN UTAMA PERBADANAN

Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka ("Perbadanan") telah ditubuhkan dalam tahun 1971 di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka No. 1 untuk memajukan empat sektor penting iaitu Perindustrian, Pelancongan, Perumahan, Perniagaan/Perdagangan dan Pelaburan dalam syarikat-syarikat melalui usaha sama atau penyertaan ekuiti.

2. ASAS BAGI PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Kumpulan dan Perbadanan telah disediakan menurut Piawaian Laporan Kewangan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB").

3. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA

3.1 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan ini telah disediakan berasaskan kos sejarah kecuali sebagaimana yangdinyatakan dalam asas-asas perakaunan di bawah.

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi MPERS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan danpendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan dan jumlah hasil dan belanja yang dilaporkan dalam tempoh laporan. Walaupun anggaran ini berasaskan pengetahuan terbaik para pengarah tentang keadaan dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berlainan daripada anggaran tersebut.

Ia juga memerlukan pihak pengurusan membuat penilaian dalam proses mengaplikasikanpolisi-polisi perakaunan Kumpulan dan Perbadanan, perkara-perkara yang melibatkan penilaian yang lebih tinggi atas perkara yang kompleks, atau perkara dimana andaian dan anggaran yang penting kepada penyata kewangan sebagaimana didedahkan dalam Nota 4.

3.2 ASAS-ASAS PENYATUAN

i) Anak syarikat

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan Perbadanan dan kesemua anak-anak syarikatnya pada tarikh laporan. Penyata kewangan anak-anak syarikat merupakan penyata kewangan beraudit, yang digunakan dalam penyediaanpenyata kewangan disatukan. Asas-asas perakaunan yang konsisten digunakan untuk urusniaga dan peristiwa dalam keadaan yang sama.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3.2 ASAS-ASAS PENYATUAN (”sambungan”)

Anak syarikat merupakan entiti yang mana Perbadanan mempunyai kuasa untuk melakukan kawalan ke atas polisi kewangan dan operasi dengan tujuan untuk memperoleh manfaat daripada aktiviti-aktiviti syarikat tersebut. Apabila Perbadanan mempunyai kurang daripada majoriti hak mengundi penerima pelaburan atau apabila hak mengundi adalah bukan faktor dominan dalam menentukankuasa, Perbadanan akan menggunakan pertimbangannya dalam menilai ada kuasa facto wujud, menilai hak yang timbul daripada pengaturan berkontrak yang lain atau menilai potensi hak mengundiyang dipegang oleh Perbadanan, pemegang undi lain atau pihak-pihak lain.

Anak syarikat disatukan menggunakan kaedah perakaunan untuk pengambilalihan. Melalui kaedah ini, keputusan-keputusan pengambilalihan atau pelupusan anak syarikat dalam tahun semasa dinyatakan dalam penyata kewangan disatukan bermula dari tarikh efektif pengambilalihan atau tarikh efektif pelupusan mengikut kesesuaian. Pada tarikh pengambilalihan, harta-harta dan tanggungan-tanggungan anak syarikat dinyatakanpada nilaisaksama. Perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai saksama kepentingan Kumpulan keatas harta bersih anak syarikat pada tarikh pengambilalihan di masukkan kedalam penyata kedudukan kewangan disatukan sebagai muhibah atas penggabungan atau rizab penyatuan, mana-mana bersesuaian.

Transaksi dalam Kumpulan, baki-baki dan keputusan laba belum direalisasi dihapuskan pada peringkat penggabungan dan penyata kewangan digabungkan hanya mengambil kira kesan transaksi luaran sahaja. Rugi belum nyata dihapuskan semasa penggabungan melainkan kos tersebut tidak dapat dipulihkan.

Untung atau rugi pelupusan anak syarikat merupakan perbezaan antara terimaan bersih pelupusan dan harta bersih milik Kumpulan disamping baki muhibah belum dilunaskan serta perbezaan-perbezaan pertukaran.

Kepentingan bukan kawalan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan merangkumi kepentingan bukan kawalan dalam nilai saksama harta dan tanggungan yang boleh dikenalpasti pemilik pada tarikh pengambilalihan dan kepentingan bukan kawalan bagi pergerakan dalam ekuiti pemilik.

Kerugian dalam anak syarikat diagihkan kepada kepentingan bukan kawalan walaupun ianya menghasilkan baki defisit.

Dalam penyata kewangan berasingan Perbadanan, pelaburan dalam anak-anak syarikat di ambil kira pada kos ditolak kerugian rosot nilai. Semasa pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3.2 ASAS-ASAS PENYATUAN (”sambungan”)

Perincian anak-anak syarikat dinyatakan di Nota 9.

ii) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah syarikat dimana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dimana ia mempunyai pengaruh penting keatas polisi-polisi kewangan dan operasi syarikat tersebut tanpa kawalan.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambilkira didalam penyata-penyata kewangan pengurusan syarikat bersekutu atau penyata-penyata kewangan yang telah diaudit bagi syarikat bersekutu.

Berdasarkan kaedah perakaunan ekuiti, keuntungan ditolak kerugian bahagian Kumpulan keatas syarikat bersekutu disepanjang tahun kewangan dimasukkan dalam untung atau rugi disatukan. Kepentingan Kumpulan didalam syarikat-syarikat bersekutu dibawa ke penyata kedudukan kewangan disatukan pada kos dicampur keuntungan terkumpul atau kerugian terkumpul dan lain-lain rizab bahagian Kumpulan selepas pengambil alihan termasuk muhibah semasa pengambilalihan.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu sama atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, melainkan ia menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urusniaga diantara Kumpulan dan syarikat bersekutu yang diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan hanya setakat kepentingan pelabur yang tidak berkaitan didalam syarikat bersekutu. Kerugian yang tidak direalisasi dihapuskan melainkan kos tersebut tidak dapat dipulihkan.

Dalam penyata kewangan berasingan Perbadanan, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai. Semasa pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi.

3.3 MATA WANG FUNGSIAN DAN MATA WANG PEMBENTANGAN

Penyata kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan matawang persekitaran ekonomi utama dalam mana entiti tersebut beroperasi (“matawang fungsian”). Penyata kewangan yang disatukan dan penyata kewangan berasingan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”), yang juga merupakan mata wang fungsian Perbadanan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3.4 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Semua item hartanah, loji dan peralatan pada mulanya direkod pada kos. Kos sesuatu hartanah, loji dan peralatan hanya diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika manfaat ekonomi masa depan yangdikaitkan dengan item tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti.

Selepas pengiktirafan, hartanah, loji dan peralatan diukur pada kos tolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul. Tanah milik pajakan disusutnilaikan atas baki masa pajakan. Susutnilai harta tetap dikira berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos atau penilaian semula setiap harta berdasarkan jangkamasa harta tersebut boleh digunakan.

Hartanah, loji dan peralatan	Kadar
Tanah pajakan	Atas baki masa pajakan selama 47 tahun
Bangunan dan gerai	3.33%
Perabot dan peralatan pejabat	5% - 20%
Komputer	20%
Kenderaan	20%
Alatan kilang	10%

Sisa nilai, jangka hayat dan kaedah susut nilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan, dan dilaraskan secara prospektif, jika sesuai.

Sesuatu item hartanah, loji dan peralatan dinyahiktiraf atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaannya atau pelupusan. Sebarang untung atau rugi atas nyahiktiraf aset tersebut diambilkira di dalam untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dinyahiktiraf.

3.5 HARTANAH PELABURAN

Kumpulan dan Perbadanan mengiktiraf bangunan dan gerai sebagai hartanah pelaburan jika ianya tertakluk di dalam objektif model kegiatan Kumpulan dan Perbadanan dimana bangunan dan gerai dipegang bagi mendapatkan kenaikan modal, hasil sewa atau kedua-duanya.

Hartanah pelaburan pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos urusniaga. Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan diukur pada nilai saksama yang menggambarkan keadaan-keadaan pasaran pada tarikh laporan. Nilai saksama diperoleh dengan merujuk kepada bukti pasaran bagi harga-harga urusniaga bagi hartanah yang serupa dan dilakukan oleh para penilai bebas yang berdaftar yang memiliki kelayakan profesional diiktiraf yang sewajarnya dan mempunyai pengalaman terkini dalam lokasi dan kategori harta yang dinilai. Untung atau rugi yang timbul daripada perubahan dalam nilai-nilai saksama bagi hartanah pelaburan dimasukkan dalam untung atau rugi dalam tahun di mana ianya timbul.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3.5 HARTANAH PELABURAN ("sambungan")

Hartanah pelaburan adalah dinyahiktiraf sama ada selepas ia dilupus atau bila hartanah pelaburan tersebut tidak lagi digunakan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi pada masa depan akan diperoleh daripada penjualannya. Sebarang untung atau rugi atas penamatan penggunaan atau pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi pada tahun penamatan penggunaan atau pelupusan.

Pindahan-pindahan dibuat kepada atau daripada hartanah pelaburan hanya apabila ada perubahan dalam kegunaannya. Bagi pindahan daripada hartanah pelaburan kepada hartanah didiami-pemilik, kos yang dianggar bagi perakaunan seterusnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada harta di diami-pemilik kepada hartanah pelaburan, harta tersebut diambilkira menurut dasar perakaunan bagi hartanah, loji dan peralatan yang dinyatakan dalam Nota 3.4 sehingga ke tarikh perubahan dalam kegunaan.

3.6 TANAH DIPEGANG UNTUK PEMBANGUNAN

Tanah dipegang untuk pembangunan terdiri daripada tanah atau sebahagian daripada tanah yangmana tiada aktiviti pembangunan telah dijalankan atau yang mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam tempoh normal pusingan operasi Kumpulan dan Perbadanan. Tanah dipegang untuk pembangunan diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa dan dinyata pada kos tolak sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Tanah dipegang untuk pembangunan diklasifikasikan sebagai perbelanjaan pembangunan apabila aktiviti pembangunan telah bermula dan perjanjian ditandatangani dan apabila dapat ditunjukkan bahawa aktiviti pembangunan tersebut dapat disiapkan dalam tempoh normal pusingan operasi Kumpulan dan Perbadanan.

Tanah dipegang untuk pembangunan adalah termasuk harga belian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan levi yang berkaitan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3.7 MUHIBAH

Pada tarikh pengambilalihan, muhibah mewakili lebihan kos pengambilalihan keatas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama harta-harta dan tanggungan-tanggungan yang boleh dikenal pasti bagi anak syarikat, bersekutu atau entiti dikawal bersama.

Muhibah dinyatakan pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan elaun rosotnilai. Muhibah yang wujud daripada pengambilalihan anak syarikat dinyatakan secara berasingan di penyata kedudukan kewangan. Manakala muhibah yang terhasil daripada pengambilalihan syarikat bersekutu dan entiti kawalan usahasama dinyatakan dalam nilai pembawa pelaburan masing-masing.

Muhibah dilunaskan mengikut kaedah garis lurus selama 10 tahun yang mana ia berdasarkan kepada anggaran usia guna muhibah tersebut.

3.8 PENURUNAN NILAI ASET-ASET BUKAN KEWANGAN

Kumpulandan Perbadanan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat satu indikasi bahawa aset mungkin dirosotnilai. Sekiranya indikasi sedemikian wujud, atau bila penilaian rosotnilai secara tahunan bagi aset diperlukan, Kumpulandan Perbadanan membuat anggaran jumlah boleh diperoleh semula daripada aset tersebut.

Amaun boleh pulih daripada sesuatu aset adalah jumlah yang lebih tinggi bagi nilai saksama aset tolak kos untuk menjual dan nilainya bila diguna. Bagi tujuan penilaianr osotnilai, aset dikumpulkan pada tahap yang paling rendah untuk mana terdapat aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan (Unit Penjanaan Tunai (“UPT”).

Dalam menaksir nilai kegunaan,anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangkaakan dijana oleh aset tersebut di diskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun pra-cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko yang khusus terhadap aset tersebut. Jika nilai bawa sesuatu aset melebihi amaun boleh pulih, aset tersebut dikurangkan kepada amaun boleh pulih. Kerugian rosotnilai berhubung UPT atau kumpulan UPT diperuntukkan dahulu untuk mengurangkan nilai bawa bagi sebarang muhibah yang diperuntukkan kepada unit-unit atau kumpulan unit tersebut dan kemudian, untuk mengurangkan nilai bawa aset-aset lain dalam unit atau kumpulan unit berdasarkan pro-rata.

Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3.8 PENURUNAN NILAI ASET-ASET BUKAN KEWANGAN ("sambungan")

Penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang indikasi bahawa kerugian rosotnilai diiktiraf terdahulu mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurangan. Kerugian rosotnilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan semula hanya jika terdapatnya perubahan dalam anggaran-anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih aset sejak kerugian rosotnilai kali terakhir. Sekiranya demikian, nilai bawa aset tersebut ditingkatkan kepada amaun boleh pulih. Peningkatan tersebut tidak boleh melebihi nilai bawa yang mungkin telah ditentukan, bersih setelah ditolak susut nilai, tidak mempunyai kerugian rosotnilai yang telah diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semula sedemikian diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosotnilai atas muhibah tidak diterbalikkan semula dalam tempoh berikutnya.

3.9 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Perbelanjaan pembangunan adalah terdiri daripada kos mengurus dan membangunkan projek- projek Kumpulan dan Perbadanan di mana perbelanjaan ini ditunda ke jangka masa akan datang. Sekiranya projek-projek ini terbengkalai atau dianggap tidak membawa keuntungan, perbelanjaan terkumpul bagi projek tersebut akan dicajkan dalam untung atau rugi bagi tahun apabila keputusan itu dibuat. Tanah dipegang untuk pembangunan adalah termasuk harga belian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan levi yang berkaitan.

Pindahan tanah dipegang untuk pembangunan ke perbelanjaan pembangunan mengikut terma perjanjian yang ditandatangani.

3.10 INVENTORI

Inventori terdiri daripada tanah yang telah dibangunkan, bangunan kilang dan rumah yang telah siap untuk dijual dan barangan. Inventori dinyatakan pada kos dan nilai realisasi bersih, yang mana lebih rendah. Kos ditentukan dengan menggunakan kaedah pengenalan khusus dan ianya termasuk tanah, semua kos langsung bangunan dan lain-lain kos pembangunan yang berkaitan. Inventori yang diperoleh melalui kaedah 'in-kind' perlu direkodkan di atas nilai harga inventori tersebut diperolehi atau nilai harga penilaian semasa (sekiranya tiada nilai harga dinyatakan).

3.11 TUNAI DAN PERSAMAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di bank dan di tangan, simpanan tetap, dan pelaburan-pelaburan jangka pendek dan yang sangat mudah untuk ditukar kepada tunai yang diketahui jumlahnya yang tertakluk kepada risiko perubahan dalam nilai yang tidak signifikan. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai dinyatakan selepas ditolak deposit yang dicagarkan, jika ada.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3.12 HARTA-HARTA DI BAWAH SEWABELI

Harta-harta yang dibeli melalui perjanjian sewabeli adalah dipermodalkan dan dimasukkan ke dalam penyata kewangan dan baki yang terhutang dimasukkan ke dalam tanggungan. Kos kewangan berkaitan sewabeli adalah diagihkan kepada penyata kewangan mengikut jangka masa tempoh perjanjian untuk menunjukkan kadar faedah yang tetap ke atas baki tempoh sewabeli.

3.13 TANGGUNGAN SEMASA PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, PINJAMAN KERAJAAN NEGERI DAN PINJAMAN BANK

Amaun ini termasuk pinjaman pokok yang dijelaskan bagi 12 bulan dari tarikh laporan bagi pinjaman Kerajaan Persekutuan, Pinjaman Kerajaan Negeri dan Pinjaman Bank serta faedah terakru pada tarikh laporan.

3.14 GERAN KERAJAAN

Geran kerajaan diiktiraf pada nilai saksama di lembaran imbangan merupakan pendapatan tertunda yang mana ia terdapat kepastian munasabah bahawa geran akan diterima dan semua syarat yang berkaitan telah dipatuhi. Geran gantirugi ke atas perbelanjaan Kumpulan dan Perbadanan yang berlaku diiktiraf sebagai pendapatan di sepanjang tempoh yang disesuaikan dengan kos gantirugi terbabit mengikut asas yang sistematik. Geran gantirugi ke atas Kumpulan dan Perbadanan bagi kos harta diiktiraf sebagai pendapatan mengikut asas sistematik disepanjang usia guna harta tersebut.

3.15 PERUNTUKAN-PERUNTUKAN

Peruntukan-peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Perbadanan mempunyai obligasi semasa (perundangan dan konstruktif) disebabkan satu peristiwa lepas, ianya berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut dan jumlah obligasi tersebut boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan-peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dilaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Sekiranya tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut, peruntukan tersebut akan diterbalikkan. Sekiranya kesan nilai wang adalah material, peruntukan-peruntukan didiskaun menggunakan kadar pra-cukai semasa yang ditunjukkan, mengikut kesesuaian risiko-risiko khusus kepada liabiliti tersebut. Bila pendiskaunan digunakan, peningkatan dalam peruntukan adalah disebabkan oleh peredaran masa yang berlalu adalah diiktiraf sebagai kos kewangan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3.16 INSTRUMEN KEWANGAN

i) Pengiktirafan awal dan pengukuran

Aset dan liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Perbadanan menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Apabila aset dan liabiliti kewangan diiktiraf pada awalnya, bagi kes aset dan liabiliti kewangan tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi, ianya diukur pada nilai saksama beserta kos-kos transaksi yang berkaitan secara langsung. Bagi instrumen kewangan yang diiktiraf pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos-kos transaksi yang berkaitan akan dicajkan dalam untung atau rugi pada masa ianya berlaku.

ii) Penyahiktirafan

Untuk penyahiktirafan, Kumpulan dan Perbadanan akan menilai sama ada aset atau liabiliti kewangan perlu dinyahiktiraf secara keseluruhan atau secara sebahagian atau secara kelompok mengikut item yang sama.

Aset kewangan akan dinyahiktiraf bila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah luput, ataupun apabila Kumpulan dan Perbadanan memindahkan hak konstruktif untuk menerima aliran tunai dan tidak lagi memegang hakmilik risiko dan ganjaran yang signifikan ke atas aset kewangan atau tidak lagi terlibat di dalam memegang hak berterusan ke atas aset kewangan yang telah dipindahkan.

Suatu liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi di bawah liabililti tersebut terhapus. Apabila suatu liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan yang lain daripada peminjam yang sama dengan terma-terma yang jauh berbeza, atau terma-terma bagi liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, pertukaran tersebut atau modifikasi sedemikian dianggap sebagai nyahiktiraf bagi liabiliti asal dan pengiktirafan satu liabiliti baru, dan perbezaan dalam nilai-nilai bawa masing-masing diiktiraf dalam untung atau rugi.

iii) Pengukuran seterusnya untuk aset-aset kewangan

Bagi pengukuran seterusnya, Kumpulan dan Perbadanan menentukan klasifikasi aset-aset kewangan mereka kepada dua kategori:

(a) aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi; dan
(b) aset-aset kewangan dibawa pada kos selepas pelunasan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3.16 INSTRUMEN KEWANGAN ("sambungan")

Selepas pengiktirafan awal, Kumpulan dan Perbadanan menilai pelaburan saham tersiar harga pada nilai saksama berdasarkan harga dalam pasaran aktif, jika boleh diperhatikan, atau melalui teknik penilaian, tanpa ada pengurangan kos transaksi yang mungkin berlaku ketika jualan atau pelupusan pelaburan.

Selain daripada aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, aset-aset kewangan yang lain adalah tertakluk kepada penilaian kerugian rosotnilai seperti yang dinyatakan di Nota 3.16(vii).

iv) Pengukuran seterusnya untuk liabiliti-liabiliti kewangan

Bagi pengukuran seterusnya, Kumpulan dan Perbadanan mengklasifikasi liabiliti-liabiliti kewangannya sebagai 'liabiliti-liabiliti kewangan lain'. Liabiliti-liabiliti kewangan lain bagi Kumpulan dan Perbadanan termasuk pemiutang dagangan, lain-lain pemiutang dan pinjaman dan pembiayaan.

Pemiutang dagangan dan lain-lain diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama ditambah kos-kos urusniaga berkaitan secara langsung dan seterusnya diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pinjaman dan pembiayaan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, selepas kos- kos urusniaga, dan seterusnya diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Pinjaman diklassifikasi sebagai liabiliti-liabiliti semasa melainkan Kumpulan dan Perbadanan mempunyai satu hak tanpa syarat untuk menunda penjelasan liabiliti tersebut untuk sekurangkurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan kewangan.

v) Pengukuran nilai saksama bagi instrumen kewangan

Pengukuran nilai saksama bagi aset atau liabiliti kewangan adalah berdasarkan kepada anggaran bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti atau dalam ketiadaan keadaaan pasaran utama, dalam keadaan pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti.

Dalam kes tiadanya harga pasaran dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa, pengukuran nilai saksama boleh dibuat berdasarkan teknik penilaian yang mana menggunakan input dalam pasaran yang boleh diperhatikan berkaitan aset atau liabiliti.

Dalam kes ketiadaan harga pasaran dan input yang boleh diperhatikan, pengukuran nilai saksama dibuat berdasarkan anggaran teknik penilaian menggunakan input yang tidak boleh diperhatikan, termasuk anggaran yang bersesuaian dan bersokongan yang dibuat oleh pengurusan Kumpulan dan Perbadanan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3.16 INSTRUMEN KEWANGAN ("sambungan")

vi) Pengiktirafan keuntungan dan kerugian daripada perubahan nilai saksama

Perubahan nilai saksama bagi aset dan liabiliti kewangan yang diklasifikasi sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi diiktiraf dalam untung atau rugi.

Untuk aset dan liabiliti kewangan dibawa pada kos selepas pelunasan, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi hanya apabila aset atau liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau mengalami kerugian rosotnilai dan melalui proses pelunasan instrumen tersebut.

vii) Rosotnilai aset-aset kewangan

Kumpulan dan Perbadanan menilai pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa aset kewangan mengalami rosotnilai.
Bukti-bukti objektif untuk rosotnilai termasuk;

- kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor;
- pelanggaran kontrak, sebagai contoh kemungkiran atau kelewatan bayaran balik faedah atau bayaran pokok bagi pinjaman;
- pemberian konsesi yang luar biasa kepada peminjam;
- peminjam berkemungkinan akan bankrap atau akan melakukan penyusunan semula kewangan lain;
- peminjam tidak lagi berada dalam pasaran yang aktif kerana masalah kewangan; atau
- data yang boleh diperhatikan menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi penghutang dagangan dan lain-lain penghutang yang mana kesan pendiskaunan adalah tidak ketara, penilaian kerugian rosotnilai dibuat secara individu untuk setiap penghutang yang signifikan apabila ada indikasi rosotnilai. Peruntukan rosot nilai dilaksanakan selepas analisa ke atas ketidakmampuan atau kesukaran yang dipersetujui oleh Perbadanan dimana nilai jumlah kerugian rosotnilai diiktiraf sebagai Peruntukan HutangRagu. Sekiranya baki tertunggak dikenalpasti terdapat kesukaran atau tiada keupayaan bayaran boleh dikutip atau dijelaskan, nilai tunggakan tersebut akan dihapuskira. Bagi peruntukan hutang ragu yang memperoleh bayaran daripada penghutang pada tahun berikutnya yang mana jumlah bayaran diperoleh tidak melebihi nilai yang dibuat Peruntukan Hutang Ragu, nilai bayaran tersebut akan diiktiraf sebagai Hutang 77Ragu Terpulih di dalam Penyata Pendapatan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3.16 INSTRUMEN KEWANGAN ("sambungan")

Bagi penghutang dagangan dan lain-lain penghutang yang signifikan tetapi tiada kerugian rosotnilai diiktiraf, penghutang ini akan dikumpulkan bersama berdasarkan kategori risiko kredit dan analisa pengumuran berdasarkan baki tertunggak. Penilaian rosotnilai akan dibuat secara kolektif berdasar kan sejarah dalam kutipan hutang dan keadaan semasa.

Bagi pelaburan saham tidak tersiarharga, pelaburan ini dinyatakan pada kos tolak rosotnilai. Rosot-nilai adalah perbezaan diantara nilai dibawa aset dengan anggaran terbaik jumlah yang boleh diperoleh daripada penjualan aset tersebut pada tarikh laporan. Kumpulan dan Perbadanan boleh membuat anggaran menggunakan kaedah nilai aset bersih yang dilaraskan.

3.17 PENGIKTIRAFAN HASIL

Hasil diiktiraf dimana terdapatnya kemungkinan bahawa manfaat-manfaat ekonomi akan mengalir kepada KumpulandanPerbadanandanhasiltersebutbolehdiukurdenganpasti.Hasildiukurpadanilai saksama bagi pertimbangan diterima atau akan diterima.

i) Jualan hartanah

Jualan hartanah diiktiraf apabila semua syarat-syarat dalam perjanjian jualan dipenuhi (bayaran diterima sepenuhnya). Bagi hartanah yang dibangunkan sendiri, jualan mula diiktiraf apa bila hartanah itu siap sepenuhnya dan pada masa perjanjian jualbeli hartanah selesai ditandatangani. Manakala jualan hartanah yang dibangunkan secara usahasama atau penswastaan mula diiktiraf berdasarkan kepada tuntutan-tuntutan kemajuan diterima.

ii) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diambilkira atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan. Sekiranya tempoh pajakan telah tamat, pendapatan sewa masih diiktiraf selagi mana bangunan atau gerai tersebut masih digunakan oleh penyewa atas dasar perjanjian tidak formal masih berjalan.

iii) Keuntungan sewabeli

Pengiktirafan keuntungan keatas skim sewabeli secara amnya adalah berdasar kanjumlah anuiti 15 tahun ditolak kos bangunan berkenaan. Pengiraan keuntungan sewabeli untuk setiap tahun pula didapati daripada purata jumlah anuiti selama 15 tahun ditolak kos purata kos selama 15tahun. Faedah atas kos kewangan untuk pengiraan jumlah anuiti adalah pada kadar 10% - 12% setahun dimana 10% untuk bumiputera dan 12% untuk bukan bumiputera.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3.17 PENGIKTIRAFAN HASIL ("sambungan")

iv) Pendapatan pelaburan dan pengurusan hartanah, perkhidmatan insuran dan takaful dan lain-lain perkhidmatan

Hasil daripada perlaksanaan perkhidmatan diiktiraf dengan merujuk kepada peringkat penyiapan urusniaga tersebut pada tarikh laporan apabila hasil urusniaga tersebut boleh dianggarkan denga n pasti. Peringkat penyiapan ditentukan berdasarkan kepada nisbah kos yang ditanggung bagi perkhidmatan yang diberikan sehingga tarikh terkini kepada anggaran jumlah kos.

v) Pendapatan faedah daripada simpanan tetap

Pendapatan faedah daripada simpanan tetap adalah diiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan.

vi) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen daripada pelaburan-pelaburan diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran wujud.

vii) Yuran komitmen

Yuran komitmen diiktiraf apabila hak penerimaan wujud.

viii) Denda / Denda lewat

Denda atau denda lewat diiktiraf apabila hak penerimaan wujud.

3.18 KOS-KOS PINJAMAN

Semua kos-kos pinjaman diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh ianya ditanggung. Kos-kos pinjaman terdiri daripada kos-kos faedah dan kos-kos lain yang Kumpulan dan Perbadanan menanggu-ng berhubung dengan pinjaman dana berkenaan.

3.19 MANFAAT PEKERJA

i) Manfaat jangka pendek Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun dimana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja. Pampasan ketidak hadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja yang meningkatkan hak mereka kepada pampasan ketidakhadiran masa hadapan. Pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit akan diiktiraf apa bila ketidakhadiran berlaku.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3.19 MANFAAT PEKERJA ("sambungan")

ii) Pelan-pelan caruman ditentukan

Caruman yang perlu dibayar kepada pelan caruman wajib diiktiraf sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila pekerja telah melaksanakan perkhidmatan kepada Kumpulan dan Perbadanan.

iii) Pelan manfaat tetap Perbadanan mengendalikan Pelan Manfaat Persaraan (”Pencen”) kepada pekerja yang layak. Amaun pencen akan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pembayaran dibuat kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen.

3.20 PAJAKAN-PAJAKAN

i) Pajakan-pajakan kewangan, yang dipindahkan kepada Kumpulan dan Perbadanan secara ketara segala risiko dan ganjaran sampingan berkaitan kepada pemilikan item yang dipajak, dipermodal pada permulaan pajakan tersebut pada nilai saksama aset yang dipajak tersebut, sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan minimum.Sebarang kos-kos langsung awal juga ditambah kepada jumlah yang dipermodal. Pembayaran pajakan dibahagikan antara caj-caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan tersebut untuk mencapai satu kaedah yang tetap atas baki liabiliti selebihnya. Caj-caj kewangan dicaj kepada untung atau rugi. Sewa-sewa luar jangka, jikaada, dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh-tempoh dalam mana mereka ditanggung.

Aset-aset yang dipajak disusut nilai sepanjang hayat berguna yang dianggar bagi aset tersebut. Walaubagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Kumpulandan Perbadanan akan memperoleh pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusutnilai bagi tempoh yang lebih-pendek antara jangka hayat yang berguna yang dianggardan juga tempoh pajakan tersebut.

Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan tersebut. Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberipajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa bagi tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3.20 PAJAKAN-PAJAKAN ("sambungan")

ii) Sebagai pemberi pajak

Pajakan-pajakan dimana Kumpulan dan Perbadanan secara ketara mengekalkan segala risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset tersebut diklasifikasi sebagai pajakan-pajakan operasi. Kos-kos langsung awal yang ditanggung dalam perundingan satu pajakan operasi ditambah kepada nilai bawa bagi aset yang dipajak dan diiktiraf bagi tempoh pajakan tersebut atas dasar-dasar yang sama dengan pendapatan sewa. Dasar perakaunan bagi pendapatan sewa dibentang dalam Nota 3.17(ii).

3.21 CUKAI PENDAPATAN

Cukai yang perlu dibayar ditentukan bagi setiap entiti di dalam Kumpulan.

Cukai semasa yang perlu dibayar keatas keuntungan yang boleh dicukai dalam tempoh semasa dan tempoh lalu diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa. Jika amaun yang dibayar berkenaan dengan tempoh semasa dan lalu melebihi amaun yang perlu dibayar bagi tempoh-tempoh itu, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa. Liabiliti atau aset cukai semasa diukur pada amaun yang dijangka akan dibayar atau dipulih, menggunakan kadar cukai dan undang-undang yang telah di gubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh laporan.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya ke atas perbezaan sementara, kecuali di mana liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan awal muhibah atau satu aset atau liabiliti dalam satu urusniaga yang bukan merupakan satu kombinasi perniagaan dan, pada masa urusniaga, tidak memberi kesan kepada sama ada untung perakaunan atau untung atau rugi yang boleh dicukai. Namun begitu, perbezaan sementara yang berkaitan dengan pelaburan dalam anak-anak syarikat tidak akan diiktiraf di dalam penyata kewangan sekiranya Perbadanan atau anak syarikat boleh mengawal jangkamasa perbezaan semasa tersebut diterbalikkan dan ada kemungkinan bahawa perbezaaan sementarat ersebut tidak akan diterbalikkan pada masa hadapan.

Aset-aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak dan kredit-kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai yang tidak digunakan, kesatu tahap dimana kemungkinan terdapatnya keuntungan boleh dicukai untuk digunakan oleh perbezaan-perbezaan sementara boleh ditolak dan kredit-kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai yang tidak digunakan, kecuali dimana aset cukai tertunda berhubung dengan perbezaan sementara boleh ditolak, timbul daripada pengiktirafan awal bagi satu aset atau liabiliti dalam satu urusniaga yang bukannya satu kombinasi perniagaan dan, pada masa urusniaga, tidak memberi kesan kepada sama ada untung perakaunan atau-untung atau rugi boleh dicukai. Pengecualian untuk pengiktirafan awal termasuk geran kerajaan diterima yang tidak tertakluk cukai dank redit-kredit cukai. Namun begitu, perbezaan sementara boleh ditolak yang-berkaitan dengan pelaburan dalam anak-anak syarikat akan diiktiraf ke satu tahap dimana terdapatnya kemungkinan bahawa untung boleh dicukai masa depan akan membolehkan aset-aset cukai tertunda digunakan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3.21 CUKAI PENDAPATAN ("sambungan")

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti cukai tertunda diukur pada amaun yang dijangka akan dibayar atau dipulih, menggunakan kadar cukai dan undang-undang yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh laporan.

Cukai tertunda berkaitan dengan item-item yang diiktiraf di luar untung atau rugi. Item-item cukai tertunda diiktiraf dalam urusniaga yang berhubungkait sama ada dalam pendapatan lain atau secara terus dalam ekuiti dan cukai tertunda yang timbul daripada satu kombinasi perniagaan dilaras terhadap muhibah atas pengambilalihan.

Aset-aset cukai tertunda dan liabiliti-liabiliti cukai tertunda diimbangi, sekiranya hak yang boleh dikuatkuasakan wujud untuk mengimbangi aset-aset cukai semasa terhadap liabiliti- liabiliti cukai semasa dan cukai-cukai tertunda tersebut berkait dengan entiti boleh dicukai yang sama dan penguasa percukaian yang sama.

3.22 PENYATA ALIRAN TUNAI

Kumpulan dan Perbadanan menggunakan kaedah langsung dalam menyediakan Penyata AliranTunai.

4. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang boleh memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti, dan pendedahan liabiliti luar jangka oleh pihak pengurusan pada tarikh laporan ini. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan mengenai andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan pelarasan yang ketara perlu dibuat ke atas jumlah aset atau liabiliti di masa akan datang

4.1 PERTIMBANGAN DALAM MENERIMA PAKAI DASAR-DASAR PERAKAUNAN

Dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan Kumpulan dan Perbadanan, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan berikut yang mempunyai kesan paling ketara ke atas jumlah diiktiraf di dalam penyata kewangan:

i) Klasifikasi antara pelaburan hartanah dan hartanah, loji dan kelengkapan

Kumpulan dan Perbadanan telah mewujudkan kriteria tertentu berdasarkan Seksyen 16, MPERS dalam membuat pertimbangan sama ada hartanah layak diiktiraf sebagai hartanah pelaburan. Hartanah pelaburan adalah harta yang digunakan untuk mendapatkan sewa atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

4. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA ("sambungan")

4.1 PERTIMBANGAN DALAM MENERIMA PAKAI DASAR-DASAR PERAKAUNAN ("sambungan")

Sesetengah hartanah terdiri daripada sebahagian yang dipegang untuk memperoleh sewa atau untuk kenaikan modal dan pilihan lain yang dipegang untuk kegunaan dalam perkhidmatan atau tujuan pentadbiran. Sekiranya bahagian ini boleh dijual secara berasingan (atau dipajak secara berasingan di bawah pajakan kewangan), Kumpulan dan Perbadanan akan mengambil kira bahagian tersebut secara berasingan.

Sekiranya bahagian ini tidak boleh dijual secara berasingan, hartanah ini merupakan hartanah pelaburan hanya jika bahagian yang tidak ketara dipegang untuk kegunaan dalam perkhidmatan atau tujuan pentadbiran. Penilaian dibuat ke atas hartanah secara individu untuk menentukan sama ada perkhidmatan sampingan adalah begitu ketara bahawa hartanah tidak layak sebagai hartanah pelaburan.

4.2 PUNCA UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

Andaian utama berhubung masa hadapan dan punca utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini yang mempunyai risiko signifikan yang boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada jumlah bawa asset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang adalah dibincangkan seperti berikut:

i) Rosotnilai penghutang

Kumpulan dan Perbadanan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat bukti yang objektif bahawa satu aset kewangan telah mengalami rosotnilai. Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bagi rosotnilai, Kumpulan dan Perbadanan mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan yang ketara penghutang dan kemungkiran atau kelewatan ketara dalam membuat bayaran.

Di mana terdapat bukti yang objektif bagi rosotnilai, jumlah dan penjadualan waktu bagi aliran tunai masa depan dianggar berdasarkan pengalaman kerugian asal bagi aset-aset dengan ciriciri risiko kredit yang serupa. Nilai bawa dan perincian mengenai penghutang Kumpulan dan Perbadanan pada tarikh laporan adalah dinyatakan dalam Nota 15.

ii) Nilai saksama hartanah pelaburan

Nilai saksama hartanah pelaburan Kumpulan dan Perbadanan adalah berdasarkan penilaian yang dibuat oleh penilai-penilai profesional. Penilaian itu menggunapakai anggaran, pertimbangan dan andaian dalam penentuan nilai saksama bagi pelaburan hartanah. Penilaian yang membentuk asas bagi jumlah dibawa dalam penyata kewangan dinyatakan dalam Nota 6.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan

	Pada 31 Disember 2020	Pada 1 Januari 2021 (Dinyatakan semula)	Tambahan	(Pelupusan)	Pada 31 Disember 2021
	RM	RM	RM	RM	RM
Kos					
Tanah pajakan	414,709	414,709	-	-	414,709
Bangunan dan gerai	92,075,584	92,082,234	1,615,260	(439,080)	93,258,414
Perabot dan peralatan pejabat	6,128,762	6,122,111	414,453	(153,146)	6,383,418
Komputer	2,768,953	2,768,953	59,236	(134,507)	2,693,682
Kenderaan	3,110,500	3,110,501	172,185	-	3,282,686
Alatan kilang	66,757	66,757	-	-	66,757
Intellectual Properties	3,801,360	3,801,360	-	-	3,801,360
Peralatan quary	27,440	27,440	7,400	-	34,840
Peralatan café	304,011	304,565	7,637	(303,402)	8,800
Peralatan dobi	227,959	227,959	-	-	227,959
	108,926,035	108,926,589	2,276,171	(1,030,135)	110,172,625

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN ("sambungan")

Kumpulan

	Pada 31 Disember 2020	Pada 1 Januari 2021 (Dinyatakan semula)	Tambahan	(Pelupusan)	Pada 31 Disember 2021
	RM	RM	RM	RM	RM
Susutnilai terkumpul					
Tanah pajakan	54,212	54,212	8,232	-	62,444
Bangunan dan gerai	29,468,113	29,489,288	1,778,247	(118,638)	31,148,897
Perabot dan peralatan pejabat	4,189,793	4,197,605	456,732	(106,188)	4,548,149
Komputer	2,126,863	2,172,129	242,156	(134,486)	2,279,799
Kenderaan	2,437,741	2,461,503	301,628	-	2,763,131
Alatan kilang	30,735	30,736	6,147	-	36,883
Intellectual Properties	1,385,665	1,385,665	756,772	-	2,142,437
Peralatan quary	2,744	2,744	3,484	-	6,228
Peralatan café	70,029	63,123	24,568	(85,270)	2,421
Peralatan dobi	53,867	53,867	22,796	-	76,663
	39,819,762	39,910,872	3,600,762	(444,582)	43,067,052

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN ("sambungan")

Kumpulan

	Baki pada 31 Disember 2020	Baki pada 1 Januari 2021 (Dinyatakan semula)	Baki pada 31 Disember 2021
	RM	RM	RM
Nilai buku bersih			
Tanah pajakan	360,497	360,497	352,265
Bangunan dan gerai	62,607,471	62,592,946	62,109,517
Perabot dan peralatan pejabat	1,938,969	1,924,506	1,835,269
Komputer	642,090	596,824	413,883
Kenderaan	672,759	648,998	519,555
Alatan kilang	36,022	36,021	29,874
Intellectual Properties	2,415,695	2,415,695	1,658,923
Peralatan quary	24,696	24,696	28,612
Peralatan café	233,982	241,442	6,379
Peralatan dobi	174,092	174,092	151,296
	69,106,273	69,015,717	67,105,573

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN ("sambungan")

Perbadanan

	Pada 31 Disember 2020	Pada 1 Januari 2021 (Dinyatakan semula)	Tambahan	(Pelupusan)	Pada 31 Disember 2021
	RM	RM	RM	RM	RM
Kos					
Tanah pajakan	21,420	21,420	-	-	21,420
Bangunan dan gerai	89,086,216	89,086,216	-	-	89,086,216
Perabot dan peralatan pejabat	1,140,373	1,140,373	8,499	(9,754)	1,139,118
Komputer	1,162,164	1,162,164	-	(2,635)	1,159,529
Kenderaan	1,412,093	1,412,093	-	-	1,412,093
	92,822,266	92,822,266	8,499	(12,389)	92,818,376
Susutnilai terkumpul					
Tanah pajakan	12,743	12,743	367	-	13,110
Bangunan dan gerai	28,061,232	28,061,232	1,620,254	-	29,681,486
Perabot dan peralatan pejabat	1,028,842	1,028,842	45,522	(8,398)	1,065,966
Komputer	926,925	926,925	67,268	(2,634)	991,559
Kenderaan	1,310,616	1,310,616	74,844	-	1,385,460
	31,340,358	31,340,358	1,808,255	(11,032)	33,137,581

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN ("sambungan")

Perbadanan

	Pada 31 Disember 2020	Baki Pada 1 Januari 2021 (Dinyatakan semula)	Baki Pada 31 Disember 2021
	RM	RM	RM
Nilai buku bersih			
Tanah pajakan	8,677	8,677	8,310
Bangunan dan gerai	61,024,984	61,024,984	59,404,730
Perabot dan peralatan pejabat	111,531	111,531	73,152
Komputer	235,239	235,239	167,970
Kenderaan	101,477	101,477	26,633
	61,481,908	61,481,908	59,680,795

Termasuk di dalam jumlah nilai buku bersih kenderaan adalah nilai buku bersih kenderaan yang diperoleh di bawah perjanjian sewabeli seperti dinyatakan di bawah:

	Kumpulan		Perbadanan	
	2021	2020	2021	2020
	RM	RM	RM	RM
Di bawah perjanjian sewabeli	519,555	648,998	26,633	101,477

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN ("sambungan")

Tempoh purata pembiayaan sewabeli bagi Kumpulan dan Perbadanan adalah sepanjang 5 tahun (2020: 5 tahun). Pada tahun kewangan semasa, kadar pinjaman efektif bagi pembiayaan sewabeli Kumpulan dan Perbadanan adalah dari 2.43% kepada 2.59% (2020: 2.43% kepada 2.59%) dan dari 2.59% kepada 2.48% (2020: 2.59%).

Termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan anak syarikat Perbadanan Melaka Holdings adalah kenderaan yang dibeli secara pajakan kewangan yang mempunyai nilai bawaan sebanyak RM156,464 (2020:RM42,427).

Termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan anak syarikat Perbadanan Melaka Holdings adalah bangunan yang dibeli secara pinjaman yang mempunyai nilai bawaan sebanyak RM620,733 (2020:RM608,667).

Pemiutang sewabeli Perbadanan adalah bercagar melalui cagaran aset dibawah pembiayaan sewabeli tersebut.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

6. HARTANAH PELABURAN

	Pada nilai saksama			
	Kumpulan		Perbadanan	
	2021	2020 Dinyatakan semula	2021	2020 Dinyatakan semula
	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari	392,823,681	392,319,156	306,846,183	305,509,131
Tambahan/(Pelupusan)	(34,874,409)	1,121,343	7,375,070	1,213,870
Perubahan dalam nilai saksama	45,291,301	23,551,182	43,609,719	23,551,182
Pada 31 Disember	403,240,573	416,991,681	357,830,972	330,274,183

Hartanah pelaburan terdiri daripada bangunan dan gerai yang dipegang bagi mendapatkan kenaikan modal, hasil sewa atau kedua-duanya.

Nilai saksama hartanah pelaburan dianggarkan oleh pihak pengurusan berdasarkan penilaian yang dijalankan oleh penilai profesional berdasarkan teknik-teknik penilaian di bawah :

Penerangan	Teknik Penilaian	Input ketara yang tidak boleh diperhatikan kepada nilai saksama	Hubungan yang tidak boleh diperhatikan
Bangunan dan gerai	Kaedah perbandingan dan kaedah kos	Bangunan : RM520 - RM10,764 meter per segi Tanah : RM150 - RM2,150 meter per segi	Lebih tinggi nilai bagi setiap meter per segi untuk bangunan dan tanah, lebih tinggi penilaian bangunan dan tanah

7. TANAH DIPEGANG UNTUK PEMBANGUNAN

	Kumpulan dan Perbadanan	
	2021	2020
	RM	RM
Pada 1 Januari / 31 Disember	5,781,713	5,781,713

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

8. PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT

	Kumpulan		Perbadanan	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Saham taksiarharga – pada kos	-	-	38,043,082	38,043,082
Tambahan	70,000	-	912,933	-
Peruntukan rosot nilai	-	-	(619,998)	(3,619,997)
	70,000	-	38,336,017	34,423,085

Anak-anak syarikat yang kesemuanya diperbadankan dan mempunyai tempat utama perniagaan di Malaysia adalah seperti berikut:

Nama	Aktiviti-aktiviti utama	Peratus kepentingan 2021	2020
Perbadanan Melaka Holdings Sdn. Bhd.	Pegangan pelaburan	100%	100%
Melaka International Trade Centre Sdn. Bhd.	Pengurusan ruang pameran	100%	100%
PM Multilink Sdn. Bhd.	Perniagaan jahitan	100%	100%
PM Project Centre Sdn. Bhd.	Perunding projek	100%	100%
PKNM Oil And Gas Sdn. Bhd.	Projek minyak	100%	60%
Melaka Bekal Sdn. Bhd.	Pembekalan bahan binaan	100%	100%
Air Keroh Heights Sdn. Bhd.	Perumahan (dalam proses pembubaran)	51%	51%
PKNM Energy Sdn. Bhd.	Perniagaan minyak & gas	100%	100%
Melaka Halal Hub Sdn. Bhd.	Pengurusan halal hub	100%	100%
Melaka Sentral Sdn. Bhd.	Perkhimatan Pengurusan	100%	100%
M Corp Hotel Sdn. Bhd.	Perkhidmatan pengurusan hotel dan perundingan	97%	100%
Invest Melaka Berhad	Promosi pelaburan dan pembangunan perniagaan	100%	100%

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

8. PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT ("sambungan")

Anak-anak syarikat dibawah Perbadanan Melaka Holdings Sdn. Bhd.:

Nama	Aktiviti-aktiviti utama	Peratus kepentingan pegangan dalam Kumpulan 2021	2020
PM Media & Event Sdn. Bhd.	Pengiklanan	100%	100%
Syarikat Pelaburan dan Perumahan Melaka Sdn. Bhd.	Tidak aktif	55%	55%

Anak syarikat dibawah PM Multilink Sdn. Bhd.:

MY Marine Park Sdn Bhd	Perniagaan pembaikan marin & kerja-kerja kejuruteraan dan perniagaan perdagangan am	70%	-

(a) Pengambilalihan anak syarikat

Pada 1 November 2016, Perbadanan mengambilalih 100% kepentingan ekuiti dalam M Corp Hotel Sdn. Bhd. daripada Perbadanan Melaka Holdings Sdn. Bhd. Dari perspektif Kumpulan, pengambilalihan tersebut tidak mendatangkan kesan terhadap penyata kewangan Kumpulan.

Pada 24 Julai 2020, Perbadanan mengambilalih 100% kepentingan ekuiti dalam Invest Melaka Berhad daripada Tabung Amanah Negeri Melaka dengan nilai balasan RM2 tanpa diserap aset dan liabiliti syarikat.

(b) Tempoh tahun kewangan

Kesemua anak-anak syarikat mempunyai tempoh tahun kewangan yang sama dengan Perbadanan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

9. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan		Perbadanan	
	2021	2020 Dinyatakan semula	2021	2020 Dinyatakan semula
	RM	RM	RM	RM
Saham tidak tersiarharga – pada kos	7,557,986	7,557,986	7,557,986	7,557,986
Bahagian keuntungan terkumpul pengambilalihan dan rizab tolak kerugian	-	(11,843)	-	-
	7,557,986	7,546,143	7,557,986	7,557,986
Bahagian keuntungan terkumpul pengambilalihan				
Nada Cekal Sdn Bhd	-	-	-	-
Melaka Golf Resort Sdn Bhd	-	826,762	-	826,762
	-	826,762	-	826,762
Nilai bawa	-	-	-	-
Nilai pasaran saham tersiarharga	-	-	-	-

Nota : Bahagian keuntungan terkumpul bagi Melaka Golf Resort Sdn Bhd adalah berdasarkan keuntungan terkumpul belum disatukan. Sehingga kini Perbadanan masih belum menerima Laporan Akaun Beraudit bagi Nada Cekal Sdn Bhd dan Melaka Golf Resort Sdn Bhd (Disatukan) bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2021.

Butiran syarikat-syarikat bersekutu adalah seperti berikut:

Nama	Aktiviti-aktiviti utama	Kepentingan ekuiti 2021	Kepentingan ekuiti 2020
Melaka Golf Resort Sdn. Bhd.	Menguruskan Kelab Golf	20%	20%
Nada Cekal Sdn Bhd	Kontraktor Pembinaan dan Perkhidmatan	15%	15%

Butiran syarikat-syarikat bersekutu kepada anak syarikat adalah seperti berikut:

Nama	Aktiviti-aktiviti utama	Kepentingan ekuiti 2021	Kepentingan ekuiti 2020
Mydin Melaka Bazaar Sdn. Bhd.	Pusat membeli-belah	30%	30%

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

9. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan		Perbadanan	
	2021	2020 Dinyatakan semula	2021	2020 Dinyatakan semula
	RM	RM	RM	RM
Saham tidak tersiarharga – pada kos	7,557,986	7,557,986	7,557,986	7,557,986
Bahagian keuntungan terkumpul pengambilalihan dan rizab tolak kerugian	-	(11,843)	-	-
	7,557,986	7,546,143	7,557,986	7,557,986
Bahagian keuntungan terkumpul pengambilalihan				
Nada Cekal Sdn Bhd	-	-	-	-
Melaka Golf Resort Sdn Bhd	-	826,762	-	826,762
	-	826,762	-	826,762
Nilai bawa	-	-	-	-
Nilai pasaran saham tersiarharga	-	-	-	-

Nota : Bahagian keuntungan terkumpul bagi Melaka Golf Resort Sdn Bhd adalah berdasarkan keuntungan terkumpul belum disatukan. Sehingga kini Perbadanan masih belum menerima Laporan Akaun Beraudit bagi Nada Cekal Sdn Bhd dan Melaka Golf Resort Sdn Bhd (Disatukan) bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2021.

Butiran syarikat-syarikat bersekutu adalah seperti berikut:

